

PERBANDINGAN SENI SILAT KURA-KURA DENGAN
SENI SILAT MODEN (PENCAK SILAT), KAJIAN KES DI
KUALA BERANG, HULU TERENGGANU

NUR ALINA BINTI MOHD NAJIB

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

KELANTAN

2022



PERBANDINGAN SENI SILAT KURA-KURA DENGAN
SENI SILAT MODEN (PENCAK SILAT), KAJIAN KES DI
KUALA BERANG, HULU TERENGGANU

OLEH:
NUR ALINA BINTI MOHD NAJIB

Projek Penyelidikan Ini Diserahkan Untuk Memenuhi Syarat Kelayakan Bagi
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras Atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah. Dari tarikh _____ hingga _____
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama



.....
NUR ALINA BT MOHD NAJIB

Tarikh: **26/02/2022**

Tandatangan Penyelia



.....
DR. NORAZLINDA BT
MOHAMED ROSDI

Tarikh: **26/02/2022**

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepitkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

THESIS DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

- OPEN ACCESS** I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)
- EMBARGOES** I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.
Date from _____ until _____
- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.

1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.


.....
SIGNATURE

980301-46-5036

IC/PASSPORT NO.

Date: **26/02/2022**


.....
SIGNATURE OF SUPERVISOR

DR. NORAZLINDA BT. MOHAMED ROSDI

NAME OF SUPERVISOR

Date: **26/02/2022**

Note: * If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan kajian ini dengan jayanya, walaupun terpaksa menempuhi pelbagai dugaan dan juga rintangan. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia iaitu Dr Norazlinda Bt Mohamed Rosdi, di atas kesabaran, kecekalan, sokongan, nasihat serta bimbingan yang beliau berikan dalam membantu menjayakan kajian ini.

Selain itu, sekalung kasih saya berikan kepada kedua ibubapa saya iaitu Encik Najib bin Ismail dan Puan Rozi Bt Endut. Mereka adalah penguat dan sumber kekuatan bagi saya kerana mereka sentiasa memberikan kasih sayang, dorongan, bantuan dari segi wang ringgit, iringan doa dan sentiasa menasihati saya supaya menjadi insan yang berguna kepada agama, masyarakat, dan negara.

Seterusnya saya mengucapkan jutaan terima kasih pihak Universiti Malaysia Kelantan kerana memberikan peluang dan ruang kepada saya selaku pelajar di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan ini untuk menjalankan dan menyiapkan kajian ilmiah ini. Bukan itu sahaja, tidak lupa juga penghargaan kepada para responden yang membantu untuk menjawab persoalan menerusi temubual terhadap kajian yang dijalankan ini.

Akhir sekali, ribuan penghargaan kepada para sahabat seperjuangan yang sentiasa membantu saya dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan yang berlaku sepanjang menjalankan kajian ini. Sesungguhnya Allah sahaja yang mampu membalas segala baik budi semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

MALAYSIA
KELANTAN

**PERBANDINGAN SENI SILAT KURA-KURA DENGAN SENI SILAT MODEN
(PENCAK SILAT), KAJIAN KES DI KUALA BERANG, HULU TERENGGANU**

ABSTRAK

Projek penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai “Perbandingan Silat Kura-Kura dan Pencak Silat di Kuala Berang, Hulu Terengganu”. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti sejarah dan perkembangan seni Silat Kura-Kura dan seni Silat Moden di Kuala Berang, Hulu Terengganu. Turut dibincangkan tentang perbezaan seni Silat Kura-Kura dan seni Silat Moden dari segi pakaian, pantang larang, jumlah ahli silat yang terlibat dalam persembahan, penggunaan senjata dalam persembahan silat dan jenis alat muzik yang digunakan dalam persembahan silat. Selain itu, kajian ini juga turut menghuraikan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memelihara dan memulihara seni Silat Kura-Kura di Kuala Berang. Penulisan kajian menghuraikan langkah-langkah memelihara dan memulihara yang dilakukan oleh beberapa pihak dalam memastikan Silat Kura-Kura tidak pupus dan terus dikenali oleh generasi muda pada hari ini. Pada akhir bab ini, pengkaji akan memberikan saranan serta cadangan untuk memastikan Silat Kura-Kura terus dipulihara dan diberikan perhatian oleh pihak kerajaan dan masyarakat setempat.

Kata Kunci: Silat Kura-Kura, Pencak Silat, Perkembangan, Perbezaan, Langkah-langkah, pihak kerajaan, masyarakat.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**COMPARISON OF TURTLE SILAT ART WITH MODERN SILAT ART
(PENCAK SILAT), CASE STUDY IN KUALA BERANG, HULU TERENGGANU**

ABSTRACT

This research is about a study on “Comparison of Silat Kura-Kura and Pencak Silat in Kuala Berang, Hulu Terengganu”. This goal of this study is to identify the history and development of the Silat Kura-Kura and Modern Silat in Kuala Berang, Terengganu. Apart from that, this study are also discussed about the differences between the art of Silat Kura-Kura and Modern Silat in terms of clothing, taboos, the number of Silat members involved in the performance, the usage of weapons, and the types of musical instruments used in the performance. In addition, this study also describes the steps that can be taken to preserve the art of Silat Kura-Kura in Kuala Berang. The study's writing covers the preservation and conservation steps made by some parties to ensure that Silat Kura-Kura does not become extinct and continues to be known by the younger generation today. The researcher will provide suggestions and recommendations at the end of this chapter to ensure that Silat Kura-Kura is conserved and given attention by the government and the local community.

Keywords: Silat Kura-Kura, Pencak Silat, Development, Differences, Steps, government, society.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN STATUS TESIS	i
THESIS DECLARATION	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI GAMBAR	x
SENARAI PETA	xii
SENARAI RAJAH	xii
BAB I	PENDAHULUAN
1.1	Pengenalan 1
1.2	Latar Belakang 3
1.3	Permasalahan Kajian 5
1.4	Persoalan Kajian 6
1.5	Objektif Kajian 7
1.6	Skop Kajian 8
1.7	Kepentingan Kajian 9
	1.7.1 Individu 9
	1.7.2 Masyarakat 9
	1.7.3 Institusi 10
	1.7.4 Negara 10
	vi

1.8	Kesimpulan	10
BAB II		
SOROTAN KAJIAN		
2.1	Pengenalan	12
2.2	Definisi Silat Secara Umum	13
2.3	Sejarah Silat Kura-Kura	15
2.4	Pengertian Pencak Silat	16
2.5	Pandangan Pelajar Berkaitan Pencak Silat Di Indonesia	17
2.6	Konsep Dan Pengamalan Dalam Masyarakat Melayu	17
2.7	Kerangka Teori	19
BAB III		
METODOLOGI PENYELIDIKAN		
3.1	Pengenalan	21
3.2	Reka Bentuk Kajian	22
3.3	Kaedah Kajian	24
3.4	Teknik Pengumpulan Data	24
3.4.1	Kaedah Primer	24
3.4.2	Kaedah Sekunder	26
3.5	Persampelan	26
3.6	Analisis Data	27
3.7	Instrumen Kajian	27
3.7.1	Telefon Pintar	28

	3.7.2	Buku Catatan	28
3.8		Kesimpulan	28
BAB IV		DAPATAN KAJIAN	
4.1		Mengenalpasti Sejarah Dan Perkembangan Seni Silat Kura-Kura Dan Silat Moden Pencak Silat.	31
	4.1.1	Mengenalpasti Sejarah Dan Perkembangan Seni Silat Kura-Kura	31
	4.1.2	Mengenalpasti Sejarah Dan Perkembangan Seni Silat Moden (Pencak Silat)	38
4.2		Perbezaan Seni Silat Kura-Kura Dengan Seni Silat Moden (Pencak Silat)	41
	4.2.1	Pakaian	41
	4.2.2	Pantang Larang	45
	4.2.3	Jumlah Pesilat Dan Waktu Persembahan	48
	4.2.4	Senjata	50
	4.2.5	Alat Muzik	58
4.3		Usaha Memelihara Dan Memulihara Silat Kura-Kura Di Kuala Berang, Hulu Terengganu.	62
4.4		Kesimpulan	67

BAB V	PENUTUP	
5.1	Pengenalan	69
5.2	Ringkasan	70
5.3	Saranan Dan Cadangan	72
5.3.1	Saranan Dan Cadangan Pengkaji Kepada Masyarakat Untuk Mempelajari Seni Silat Kura-Kura Dan Pencak Silat	72
5.3.2	Saranan Dan Cadangan Kepada Pihak Kerajaan Dan Swasta	74
5.4	Penutup	76
	RUJUKAN	78
	LAMPIRAN	80

SENARAI GAMBAR

NO. GAMBAR		HALAMAN
Gambar 1	Aksi Kura-Kura Bertarung	32
Gambar 3	Bukti temubual atas talian bersama Mohd Idris bin Deraman	33
Gambar 4	Tokoh Silat Kura-Kura Mohamad Razali Bin Ismail	36
Gambar 5	Bukti tembual atas talian bersama Mohamad Razali Bin Ismail	36
Gambar 6	Persembahan Silat Kura-Kura	37
Gambar 7	Persembahan Pencak Silat	39
Gambar 8	Wakil Sukma Pencak Silat Pasukan Sabah	41
Gambar 9	Rekaan baju belakang Silat Kura-Kura	42
Gambar 10	Pakaian lengkap Silat Kura-Kura	43
Gambar 11	Baju Melayu Pencak Silat	43
Gambar 12	Warna bengkung dalam pakaian Pencak Silat	45
Gambar 13	Pakaian lengkap Pencak Silat	45
Gambar 14	Silat Kura-Kura Seramai 6 Orang	49
Gambar 15	Pertandingan Pencak Silat	50
Gambar 16	Kekemasan Gerak Geri Siku Dari Sisi	51
Gambar 17	Kekemasan Gerak Geri Siku Dari Belakang	52
Gambar 18	Kekemasan mengunci siku pihak lawan	52
Gambar 19	Senjata Keris	53
Gambar 20	Senjata Kujung	54

Gambar 21	Senjata Samping	54
Gambar 22	Cara Penggunaan Senjata Tongkat	55
Gambar 23	Senjata Kipas	55
Gambar 24	Cara Penggunaan Senjata Kipas	56
Gambar 25	Senjata Sundang	56
Gambar 26	Cara Penggunaan Senjata Sundang	57
Gambar 27	Senjata Parang	57
Gambar 28	Cara Penggunaan Senjata Parang	58
Gambar 29	Alat muzik gong	59
Gambar 30	Alat Muzik Seruling	60
Gambar 31	Alat Muzik Gendang	61
Gambar 32	Poster Silat Kura-Kura	66

SENARAI PETA

NO. PETA		HALAMAN
Peta 1	Peta Kawasan Daerah Kuala Berang, Hulu Terengganu	8
Peta 2	Peta Kampung Menerong	34

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH		HALAMAN
Rajah 1	Rekabentuk kajian	23
Rajah 2	Carta Alir 2, Carta aliran pembinaan soalan temubual	25
Rajah 3	Pintu Gerbang Kuala Berang	31

MALAYSIA

KELANTAN

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Malaysia dikenali sebagai sebuah negara di Asia Tenggara yang mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan Persekutuan dan terdiri daripada 14 buah negeri. Keunikan Malaysia dapat dilihat daripada kepelbagaian kaum yang hidup secara bersama tanpa perbalahan atau penindasan. Malaysia cukup terkenal sebagai sebuah negara yang aman dan damai. Tiga kaum terbesar di Malaysia ialah Kaum Melayu, Cina dan juga India. Malaysia juga memiliki hampir 80 etnik seperti suku Kadazan-Dusun, Bajau, Murut, Momogun Rangus, Bisaya dan pelbagai lagi.

Masyarakat di Malaysia bebas mengamalkan agama, adat resam dan tradisi mereka. Rakyat Malaysia juga saling hormat-menghormati adat dan tradisi antara satu sama lain. Maksud adat boleh difahami sebagai salah satu cara hidup atau tingkah laku yang merangkumi kepercayaan, tradisi dan sebagainya. Adat ini biasanya merupakan satu kegiatan atau tingkah laku yang sudah diamalkan atau dilakukan oleh masyarakat terdahulu dan diturunkan atau diwarisi kepada generasi sekarang atau akan datang. Perbezaan adat antara masyarakat ini telah menyebabkan wujudnya kepelbagaian warisan di Malaysia. Warisan yang ada ini sangat unik dan harus dijaga. Nilai warisan ini dapat dilihat dari segi warisan makanan, warisan permainan, warisan persembahan dan pelbagai lagi.

Warisan yang terdapat dan diamalkan oleh setiap kaum berbeza dan melambangkan keunikan identiti setiap kaum itu sendiri. Dapat kita lihat dalam masyarakat kaum India misalnya mempunyai warisan yang tersendiri. Salah satu warisan yang kekal dijaga dan dimainkan sehingga hari ini ialah warisan Kho-kho. Ia merupakan salah satu warisan permainan yang dimainkan sejak dahulu lagi. Permainan ini dikatakan berasal daripada Maharashtra. Pada zaman dahulu, ia dimainkan bersama-sama dengan kuda. Permainan Kho-kho ini boleh dikatakan seakan sama dengan permainan lari dan kejar. Walaupun ia merupakan permainan warisan kaum India tetapi ia juga sering dimainkan oleh kaum-kaum lain apabila terdapatnya pesta atau acara yang melibatkan ramai orang.

Seterusnya, kaum Cina. Warisan kebudayaan yang sangat terkenal dalam kalangan kaum Cina ialah Tarian Singa. Tarian Singa sering dimainkan atau dipersembahkan pada perayaan Tahun Baru Cina. Tarian ini harus dimainkan oleh mereka yang mempunyai tenaga dan tubuh badan yang sihat dan cergas kerana tarian ini berbentuk bertenaga dan lincah. Mengikut cerita lama, asal kewujudan tarian ini dikatakan bermula apabila seekor singa telah berjaya menyelamatkan China daripada satu haiwan mitos yang dikenali sebagai Nian yang telah melakukan kerosakkan dan membunuh manusia pada malam tahun baru. Tarian ini mampu menarik perhatian sesiapa yang melihatnya kerana lagu dan irama yang digunakan sangat rancak dan kuat.

Akhir sekali, warisan kaum Melayu. Salah satu warisan yang diamalkan dan dijaga dengan baik oleh kaum Melayu ialah silat. Ia kekal dijaga dan dimainkan oleh masyarakat Melayu sehingga ke hari ini. Malah silat juga telah dimodenkan mengikut permintaan dan persekitaran pada masa kini. Silat masih aktif dimainkan oleh sesetengah peminat atau pengamalnya di sesuatu tempat. Jenis silat yang terdapat di Malaysia ialah Silat Gayong, Silat Harimau, Silat Melayu, Silat Cekak, Silat Kura-Kura, Silat Moden dan pelbagai lagi. Namun, tidak semua silat yang terdapat di Malaysia pada masa dahulu masih dimainkan atau diamalkan. Kewujudan silat moden pada hari ini telah menyebabkan silat tradisional kian dilupakan. Antara silat tradisional yang pernah terkenal di Malaysia iaitu di Negeri

Terengganu ialah Silat Kura-Kura dan silat moden yang terkenal pada zaman sekarang ialah Pencak Silat.

1.2 LATAR BELAKANG

Silat merupakan salah satu seni yang dikenali sebagai seni bela diri Nusantara Melayu yang terkenal di seluruh dunia. Ia juga boleh dikatakan sama taraf dan atau mungkin silat Nusantara Melayu yang dilihat lebih bagus dan sangat hebat jika dibandingkan dengan seni lain seperti muay thai, karate, wushu, silambam dan seni bela diri yang lain. Dikatakan silat telah lama wujud dan dikatakan berusia hampir puluhan ribu tahun.

Mengikut cerita orang-orang lama, silat berasal daripada kata ilat, elat, elak, silap dan kilas iaitu membawa maksud pengamal seni bela diri Melayu sebagai pakar mengelat dan berlawan dalam mengelak serangan dan menipu pihak lawan atau mata lawan. Kefahaman dan makna silat adalah berbeza-beza dan mempunyai pelbagai pandangan dan pendapat. Pengertian makna silat ini juga bergantung kepada guru yang mengajar, budaya sekeliling dan adat masyarakat setempat. Seseengah silat juga berbeza dari segi aspek gaya, cara, jenis dan tempur. Berdasarkan carian, dikatakan terdapat 360 jenis silat yang ada di Malaysia. Silat yang pernah terkenal atau dimainkan pada satu ketika dahulu ialah Silat Kura-Kura.

Negeri Terengganu merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai jenis Silat Kura-Kura. Negeri Terengganu atau dikenali dengan nama Terengganu Darul Iman merupakan salah satu daripada 14 buah negeri yang terdapat di Malaysia. Terengganu terbahagi kepada 8 buah daerah iaitu Besut, Setiu, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, Dungun, Kemaman dan Hulu Terengganu. Negeri Terengganu sangat kaya dengan

kisah sejarah yang tersendiri seperti kedatangan Islam ke Tanah Malayu, penemuan batu bersurat dan pernah menjadi pusat perdagangan dan pelabuhan terbesar pada satu ketika dahulu.

Salah satu daerah yang kaya dengan sejarah yang merupakan kawasan atau tempat penemuan batu bersurat di Terengganu ialah Kuala Berang, Hulu Terengganu. Kuala Berang yang berada di Hulu Terengganu juga digelar sebagai daerah bawah tasik oleh penduduk di Terengganu kerana dikatakan berada di bawah air Tasik Kenyir. Di kawasan inilah dikatakan bermulanya kewujudan Silat Kura-Kura.

Sejarah kewujudan Silat Kura-Kura ini dikatakan bermula apabila seseorang telah melihat pergaduhan antara 2 ekor kura-kura. Tingkah laku pergaduhan kura-kura tersebut dikatakan unik dan dilihat kura-kura pandai melindungi diri daripada serangan pihak lawan. Ia pula hanya berkembang di daerah Hulu Terengganu iaitu Kuala Berang kerana di situ sahaja terdapat guru yang mahir dengan Silat Kura-Kura. Menurut carian pengkaji, Silat Kura-Kura dikatakan bermula pada tahun 1970-an. Silat ini diberikan nama atau dipanggil Silat Kura-Kura kerana ia diambil dari nama haiwan kura-kura yang dilihat oleh seorang pemain silat.

Manakala mengikut peredaran masa pula, semakin hari semakin banyak kemunculan silat baru yang muncul di Malaysia atau digelar silat moden. Kemunculan silat moden di Malaysia disebabkan silat perlu disesuaikan mengikut keadaan masa kini yang semakin maju ke hadapan. Salah satu silat moden ialah Pencak Silat. Pencak Silat ialah seni silat moden yang mempunyai irama dan tingkah laku yang telah diinovasikan gerak-gerinya oleh masyarakat zaman sekarang. Pencak Silat ini juga tidak digunakan untuk melindungi diri tetapi lebih bersifat terbuka dan mampu dimainkan dalam semua keadaan.

Silat Kura-Kura dan silat moden telah memberikan gambaran bahawa adat dan tradisi kita sangat unik dan begitu menarik. Kewujudannya merupakan warisan yang sangat penting dan berharga bagi masyarakat, negara dan bangsa. Seni silat ini juga memerlukan perubahan namun tradisi yang sedia ada perlulah dijaga dengan baik.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian ialah generasi muda pada masa kini kurang berminat untuk mendalami, mempelajari dan mewarisi seni Silat Kura-Kura disebabkan kewujudan seni silat moden. Hal ini berlaku disebabkan oleh faktor peredaran masa, ketiadaan pengajar, aktiviti yang bersifat moden dan faktor pengaruh sekeliling. Seni Silat Kura-Kura ini merupakan seni silat tradisional yang diamalkan dan dimainkan oleh orang-orang dahulu lagi.

Keadaan masa yang terlampau lama sehingga mengambil masa berpuluh-puluh tahun telah menyebabkan Silat Kura-Kura tidak dapat diwarisi kepada generasi sekarang. Hal ini menyebabkan generasi sekarang tidak mengetahui kewujudan seni Silat Kura-Kura dan tidak berminat untuk mempelajarinya. Ini berbeza dengan seni Silat Moden (Pencak Silat) yang didedahkan kepada generasi sekarang melalui pelbagai cara seperti media massa yang mampu menarik minat generasi muda zaman kini.

Ketiadaan tenaga pengajar dalam mengajar dan menurunkan ilmu berkaitan seni Silat Kura-Kura kepada generasi muda juga menyebabkan mereka tidak dapat mendalami ilmu persilatan sehingga minat mereka semakin berkurang untuk mempelajari seni silat ini. Manakala, kemunculan dan perkembangan silat moden di Malaysia telah menyebabkan ramai tenaga mahir persilatan muncul. Terdapat juga tenaga pengajar silat moden yang

datang dari luar negara seperti Negara Indonesia. Ia telah menarik minat generasi muda untuk mempelajari dan mendalami silat moden kerana mudah untuk dipelajari.

Seterusnya generasi muda lebih berminat dengan silat moden kerana lebih bersifat santai dan tidak mempunyai banyak pantang larang. Persilatan moden hanya memerlukan tenaga, kemahiran dan kelincahan. Silat moden juga tidak memerlukan upacara yang boleh mendatangkan khurafat dan sebagainya berbanding dengan Silat Kura-Kura yang mempunyai pantang larangnya yang tersendiri. Pantang larang ini juga kadang-kadang tidak masuk akal dan tidak diamalkan lagi pada masa kini. Hal ini menyebabkan generasi muda merasa takut untuk mendalami ilmu silat tradisional seperti Silat Kura-Kura kerana merasakan ia bersifat mistik dan tidak mengikut ajaran agama.

Kemunculan Silat Moden juga telah membuka pintu rezeki kepada generasi muda apabila seni silat moden telah digunakan untuk mencari rezeki. Pengaruh keadaan sekeliling yang lebih menerima seni silat moden membuatkan generasi muda mempelajarinya dan menjadikannya sebagai sumber rezeki. Mereka menggunakan kemahiran seni silat moden dalam pertandingan di pelbagai peringkat seperti peringkat sekolah, universiti, daerah, negeri dan kebangsaan sehingga menyebabkan Seni Silat Kura-Kura semakin dilupakan. Ketiadaan pertandingan atau program berkenaan Silat Kura-Kura telah menyebabkan ia tidak lagi diberikan perhatian dan tidak diminati oleh generasi pada hari ini.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Pengkaji telah memikirkan beberapa persoalan sebelum memulakan kajian ini. Antara persoalan yang telah ditetapkan oleh pengkaji ialah:

- i Bilakah seni Silat Kura-Kura dan Silat Moden (Pencak Silat) bermula dan berkembang?
- ii Apakah perbezaan seni Silat Kura-Kura dengan Silat Moden (Pencak Silat)?
- iii Bagaimanakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk memelihara dan memulihara seni Silat Kura-Kura di Kuala Berang?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, terdapat tiga objektif utama. Objektif ini bertujuan bagi membolehkan pengkaji mengkaji dan mengenalpasti tujuan penyelidikan dilakukan. Antara objektifnya ialah:

- i Menenalpasti sejarah dan perkembangan seni Silat Kura-Kura dan Silat Moden (Pencak Silat).
- ii Mengkaji perbezaan seni Silat Kura-Kura dan Silat Moden (Pencak Silat).
- iii Menghuraikan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memelihara dan memulihara seni Silat Kura-Kura di Kuala Berang.

MALAYSIA

KELANTAN

1.6 SKOP KAJIAN



Peta 1 : Peta Kawasan Daerah Kuala Berang, Hulu Terengganu
(Sumber: Google Maps)

Lokasi kajian dijalankan berfokuskan di kawasan daerah Kuala Berang, Hulu Terengganu sahaja. Batasan kajian ini hanya di kawasan tersebut dan melibatkan masyarakat sekitar yang tinggal di Kuala Berang, Hulu Terengganu yang mana mereka akan menjadi responden kepada kajian pengkaji kelak. Selain itu, pengkaji akan cuba mencari masyarakat di Kuala Berang yang pernah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan Silat Kura-Kura pada masa dahulu ataupun masyarakat pada masa sekarang yang masih memainkan silat ini.

Fokus utama kajian ini lebih tertumpu kepada penglibatan generasi anak muda di kawasan Kuala Berang, Hulu Terengganu. Pengkaji akan memastikan kajian ni akan memberi manfaat dan golongan muda yang berminat akan melibatkan diri dalam mempelajari seni silat ini. Pengkaji juga akan memastikan kajian ini akan dapat menyedarkan anak muda di kawasan Kuala Berang, Hulu Terengganu tentang kepentingan silat.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tentang sejarah seni Silat Kura-Kura yang pernah bertapak dan berkembang di daerah Kuala Berang, Hulu Terengganu. Pengkaji merasakan bahawa pengkajian secara menyeluruh (walaupun tidak sempurna) haruslah dilakukan bagi tujuan melihat kaedah terbaik dalam melindungi dan menjaga warisan tidak ketara ini kepada generasi akan datang agar warisan ini terus dikenali. Kepentingan kajian ini boleh dilihat kepada aspek:

1.7.1 Individu

Kajian ini dilakukan memandangkan banyak kepentingan yang akan didapati hasil daripada penemuan kajian kelak. Antaranya ialah kepentingan kajian kepada individu. Hasil kajian ini secara langsung dan tidak langsung akan memberikan pendedahan dan ilmu kepada individu yang tinggal di Negeri Terengganu dan masyarakat luar bagi mengenali dengan lebih dekat dan jelas mengenai sejarah, aksi, irama, pakaian dan pelbagai lagi berkaitan silat tradisional Kura-Kura yang pernah berkembang di Kuala Berang, Hulu Terengganu.

1.7.2 Masyarakat

Seterusnya, kepentingan kajian kepada masyarakat. Semoga dapatan daripada kajian ini dapat memastikan bahawa seni Silat Kura-Kura akan lebih dikenali dan disedari akan kewujudannya terutamanya masyarakat di Kuala Berang, Terengganu khususnya golongan

anak muda pada hari ini. Secara tidak langsung mereka akan bersama-sama melindungi warisan ini.

1.7.3 Institusi

Kepentingan kajian ini juga dapat memberikan kepentingan kepada Universiti Malaysia Kelantan kerana kajian ini dapat memberikan maklumat dan data penting bagi rujukan pelajar Universiti Malaysia Kelantan pada masa akan datang.

1.7.4 Negara

Kajian ini memberikan kepentingan kepada negara kerana warisan seni Silat Kura-Kura boleh dijadikan salah satu tarikan pelancongan. Pelancong luar dan dalam negara boleh datang ke Kuala Berang untuk menyaksikan persembahan Silat Kura-Kura. Hal ini menyebabkan pendapatan negara bertambah.

1.8 KESIMPULAN

Kepelbagaian warisan ketara dan tidak ketara merupakan sesuatu yang harus kita lindungi. Ini bagi memastikan warisan ini tidak akan ditelan zaman atau dilupakan oleh generasi akan datang. Keunikan warisan setiap kaum di Malaysia melambangkan akan jati diri mereka. Hilang dan rosaknya sesuatu warisan merupakan satu perkara yang merugikan diri sendiri,

masyarakat dan juga negara. Pelbagai langkah harus diambil dan dilakukan bagi memastikan masyarakat di negara kita terus menghargai warisan kerana warisan merupakan sesuatu yang berharga dan bernilai.

Perlindungan terhadap warisan seperti Silat Kura-Kura ini harus diambil tindakan dengan segera kerana Silat Kura-Kura ini hampir dilupakan oleh generasi pada hari ini. Pendedahan sejarah, keunikan dan cara bermain Silat Kura-Kura itu sendiri harus diketengahkan kepada generasi sekarang. Usaha-usaha seperti mencari tenaga pakar yang mahir mengajar Silat Kura-Kura harus dilakukan bagi memastikan ilmu dan pengajaran tentang langkah bersilat dapat diturunkan dan diwariskan kepada anak-anak muda hari ini dan akan datang. Perlindungan seni Silat Kura-Kura ini secara lansung melibatkan ramai pihak dan tenaga. Hal ini akan menimbulkan rasa semangat masyarakat khususnya golongan muda dalam melibatkan diri berkaitan pencarian maklumat mengenai Silat Kura-Kura.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Kajian lepas merupakan salah satu perkara yang penting yang perlu ada dalam sesebuah kajian. Kajian lepas ini dibuat sebelum memulakan kajian agar kajian yang dilakukan tidak bersifat sama dengan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Ia juga dilakukan bagi memberikan idea kepada pengkaji yang masih mencari idea untuk melakukan sesebuah kajian.

Dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan maklumat-maklumat yang diperolehi oleh pengkaji menerusi carian kajian lepas yang telah dibuat oleh pengkaji sebelumnya. Perkara atau maklumat berkaitan dengan Silat Kura-Kura dan Pencak Silat akan diterangkan dan dijelaskan dengan lebih mendalam dalam bab ini. Ia telah menjadi bahan rujukan kepada pengkaji sepanjang mencari dan mengembangkan idea. Antara aspek yang diterangkan ialah definisi silat secara umum, sejarah Silat Kura-Kura, pengertian Pencak Silat, pandangan pelajar berkaitan silat dan pengamatan orang Melayu terhadap silat.

2.2 DEFINISI SILAT SECARA UMUM

Silat adalah satu ilmu bela diri yang dikatakan kepunyaan orang Melayu. Namun, ia juga mempunyai makna yang berbeza mengikut pemahaman dan pengajaran yang di ajar oleh seseorang guru silat itu sendiri. Jika dilihat dari sudut lisan, para guru silat menyatakan terdapat beberapa makna yang boleh dikaitkan dengan maksud silat itu sendiri. Tetapi terdapat juga segelintir guru silat yang tersasar daripada prinsip ilmu bela diri (Sheikh, 2005).

Secara asasnya, silat boleh dikatakan juga seni (permainan) kelincahan serta kelajuan pesilat dan membela diri (Draeger, 1972). Terdapat juga orang lama dalam silat yang dikenali sebagai seorang yang handal ilmu persilatan telah menyatakan bahawa silat merupakan satu latihan seni persendirian yang mempunyai unsur dan gerak tari bebas, gerak fizikal dan gerak lawan perlawanan sebenar dengan musuh, manakala menurut seorang Ku Ahmad dan Wong (1978) pula menceritakan seni ini mempunyai kelembutan gerak tari tersendiri dalam gerak gerinya. Namun, dengan kata mudah, silat dapat dikonsepskan sebagai satu jenis kaedah bela diri yang secara fizikalnya terdiri daripada teknik menyerang dan membela. Teknik tersebut dilengkapi dengan kehalusan seni dan kecantikan gerak gerinya tetapi mempunyai unsur yang mengelirukan yang mana ia dicipta mengikut kehidupan seharian orang Melayu pada masa dahulu. Pemikiran orang Melayu pada ketika itu turut menjadi salah satu sebab akan makna silat itu sendiri.

Seni silat juga merupakan kepandaian atau ketangkasan menyerang dan mempertahankan diri. Silat juga dipanggil dengan gelaran Mahaguru. Tetapi hari ini panggilan ini tidak lagi digunakan kerana masyarakat berpendapat bahawa perkataan 'MAHA' hanya sesuai digunakan untuk panggilan Allah sahaja.

Menurut Hussin Ahmad (2003), sejarah asal bermula persilatan amat kabur kerana tidak ada bukti-bukti bertulis atau dipanggil bukti lisan yang kukuh. Bukti yang ditemui hanyalah berdasarkan percakapan dari mulut ke mulut sahaja. Selain itu, bukti penulisan tradisi yang tidak sahih dan diyakini daripada guru silat yang dikatakan pernah hidup ketika perang dunia. Percakapan mulut ke mulut inilah yang diteruskan dan disampaikan kepada satu generasi ke satu generasi dan sering dikaitkan dengan keturunan. Mereka yang ada keturunan yang handal bersilat dikatakan merupakan pahlawan. Walaupun ia sebenarnya sangat meragukan kerana ketiadaan bukti, namun masyarakat Melayu tetap mempercayainya sehingga sekarang.

Dalam hal ini, silat yang diwarisi dari nenek moyang terdahulu sering digambarkan mempunyai hikmat, kekuatan dan kekuasaan yang tersendiri. Jika dicari di dalam buku-buku Kesusasteraan Melayu terdahulu, sangat banyak cerita yang berkisar kepada silat dan ilmu silat yang dipelajari dari guru silat yang mempunyai ilmu yang luas kerana sering bertapa contohnya dalam buku sastera Hikayat Hang Tuah. Diceritakan dalam buku tersebut bahawa Hang Tuah handal bersilat disebabkan ilmu daripada Sang Persata Nala dan Sang Aria Putera yang sering menggunakan dan mengadakan latihan kekuatan fizikal dan penggunaan senjata (Kassim, 1995). Oleh sebab itulah Hang Tuah dikatakan legenda pakar tempur Melayu dan sering diagungkan dalam dunia persilatan.

Menurut Meor Abdul Rahman (2005), kepentingan silat kepada masyarakat dapat dilihat terutamanya melibatkan pembinaan kekuatan diri dan semangat patriotisme sebagai perkara yang terpenting yang akan diperolehi apabila masyarakat mendalami ilmu persilatan. Silat dikatakan mampu menjadikan seseorang itu menjadi insan yang positif dan secara tidak langsung mampu menjadikan seseorang itu berani, setia, dan menjadi satria kepada bangsa dan negara. Oleh itu, beliau menyatakan amat baik dan perlu anak muda mempelopori bidang ini. Dunia persilatan juga mampu melahirkan anak muda yang mempunyai disiplin yang tinggi dan mencintai nilai-nilai budaya (Anuar, 1987). Orang yang melibatkan diri dalam seni persilatan akan mempunyai sifat kepimpinan yang akan

melindungi rakyatnya kerana kehandalan dalam melindungi diri dan orang lain. Ia ibarat mampu menghasilkan seorang pemimpin yang berkualiti (Draeger, 1974).

2.3 SEJARAH SILAT KURA-KURA

Satu kajian lepas yang diperoleh dari laman web Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan Negara yang ditulis oleh Tuan Haji Amran bin Ahmad (2011) telah menyatakan bahawa Silat Kura-Kura ini muncul pada abad ke-19. Silat ini pula dikatakan hanya terdapat di Kuala Berang iaitu di Kampung Menerong. Orang yang bertanggungjawab mewujudkan silat ini ialah Allahyarham Tok Ibrahim Hussin yang dikatakan telah melihat dua ekor kura-kura bergaduh seakan sedang bersilat.

Dalam penulisannya juga, beliau menyatakan bahawa satu-satunya pelajar yang masih diingati menjadi pelajarnya bernama Yunus Mamat. Dikatakan Yunus Mamat sangat aktif dalam melakukan persembahan silat secara terbuka di kawasan kampung di daerah Kuala Berang, Hulu Terengganu khususnya di Kampung Matang dan Menerong. Persembahan silat ini dikatakan sangat mencuit hati dan mampu menarik minat para penduduk kampung yang melihatnya kerana aksinya seakan seekor kura-kura.

Tarian Silat Kura-Kura ini dikatakan hasil daripada ilham yang dilihat dari aksi kura-kura telah tersebar sehingga ke kawasan Kuala Berang, Hulu Terengganu. Selepas itu, ia telah menjadi buah mulut masyarakat sekitar. Ia telah menyebabkan perkembangan Silat Kura-Kura berlaku dengan cepat dan rancak. Dengan kewujudan dan adanya tenaga pengajar yang ramai telah menyebabkan orang-orang kampung mula berminat dan ingin mendalami ilmu persilatan Silat Kura-Kura. Bermula pada saat itu, Silat Kura-Kura ini

telah dimainkan dan ditonton oleh semua masyarakat di daerah Kuala Berang, Hulu Terengganu.

Namun, menerusi penulisan Tuan Haji Amran bin Ahmad (2011), beliau menyatakan bahawa beberapa tahun selepas itu, Seni Silat Kura-Kura sudah tidak dimainkan terlalu rancak atau mengalami sedikit perubahan. Hal ini disebabkan beberapa faktor dalaman dan luaran. Ada di antara guru-guru silat ini yang mula tidak sependapat dan merasakan mereka mempunyai ilmu yang tinggi berbanding guru silat yang lain. Para pelajar pula mula mengikut ketua silat iaitu guru silat yang mereka inginkan dan merasakan bahawa ketua yang diikuti oleh mereka lebih handal berbanding guru lain. Keadaan ini menyebabkan masyarakat kurang berminat untuk mempelajari Silat Kura-Kura kerana tidak mahu melibatkan diri dengan masalah.

2.4 PENGERTIAN PENCAK SILAT

Pencak Silat merupakan seni tari ketangkasan dan gaya yang ada pada langkahnya. Pencak Silat mula berkembang di Indonesia. Terdapat beberapa pendapat tokoh silat berkaitan pengertian Pencak Silat. Antaranya ialah Abdus Sjukur. Menurut beliau Pencak Silat merupakan langkah mengelak yang mempunyai keindahan. Tokoh kedua ialah Hasan Habudin, menurutnya Pencak Silat merupakan seni bela diri yang telah diatur tetapi tidak ditonjolkan. Baginya pemain silat seperti kilat yang mempunyai kelajuan yang luar biasa.

Seterusnya menurut pendapat Boechori Ahmad, Pencak Silat merupakan tingkah laku manusia untuk membela diri. Gerak tari Pencak Silat akan menghubungkan gerakan dan fikiran. Akhir sekali, pengertian yang dikemukakan oleh Soetardjonegoro. Menurutnya, Pencak Silat merupakan aksi tari yang telah diatur seperti sistem. Silat juga

memainkan peranan dalam rohani sehingga mampu memberikan kesan kepada perasaan manusia.

2.5 PANDANGAN PELAJAR BERKAITAN PENCAK SILAT DI INDONESIA

Seterusnya, terdapat kajian tentang pandangan para pelajar bagi Pencak Silat yang ditulis oleh Gilawan Affendi (2010) yang mana kajian ini dijalankan untuk melihat pandangan mereka terhadap Pencak Silat. Beliau telah menggunakan beberapa metod dalam kajiannya. Antara metod yang digunakan ialah metod pemerhatian, metod pengumpulan data, metod menemuramah dan metod pencarian internet. Selain turut membina 30 soalan dan diberikan secara rawak kepada masyarakat Kota Semarang untuk menjawab.

Hasil daripada jawapan yang dijawab oleh masyarakat Kota Samarang, 100% responden sangat suka dan meminati Pencak Silat, 25% dalam kalangan anggota keluarga masyarakat ada yang mempunyai ilmu Pencak Silat, 80% hanya mengetahui teknik dan peraturan Pencak Silat tetapi tidak handal dalam seni Pencak Silat, 94% pernah mendengar mengenai sejarah dan mempunyai pengetahuan umum tentang Pencak Silat, 94.88% mengetahui bahawa Pencak Silat adalah seni yang patut dilindungi dan selebihnya merasakan bahawa Pencak Silat hanyalah satu seni silat dari negara lain.

2.6 KONSEP DAN PENGAMALAN DALAM MASYARAKAT MELAYU

Akidah membawa maksud ikatan kemas dan simpul mati yang melambangkan unsur-unsur ketaatan dan keyakinan kepada Allah. Keimanan pula merujuk kepada tahap iman kita yang tidak akan menduakan Allah yang satu (Engku Awie, 2008). Oleh sebab itu, menjadi satu

kesalahan apabila mempercayai unsur-unsur khurafat bagi masyarakat yang beragama Islam.

Amalan dan kepercayaan yang bercampur dengan unsur-unsur khurafat seperti kepercayaan terhadap roh, makhluk halus dan semangat memang tidak lari daripada masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Mereka sering melibatkan amalan-amalan ini dalam kehidupan harian mereka. Bagi mereka, menjadi perkara yang wajib untuk mengikuti dan mematuhi setiap unsur khurafat yang telah ditetapkan. Contohnya, penggunaan amalan khurafat dalam persembahan yang melibatkan kepercayaan roh dan semangat.

Disebabkan aktiviti persilatan melibatkan muzik dan tarian, wujudnya kepercayaan masyarakat Melayu bahawa di sebalik tubuh badan yang melakukan persembahan itu telah dikawal oleh semangat yang dipercayai oleh mereka contohnya seperti semangat tanah, pantai dan langit. Persembahan silat yang cantik dan tersusun dipercayai mendapat bantuan daripada semangat yang merestui persembahan tersebut. Jika sesuatu yang tidak diinginkan berlaku sebelum dan semasa persembahan masyarakat Melayu dahulu, mereka percaya ia disebabkan oleh kuasa-kuasa atau semangat ghaib yang tidak merestui persembahan tersebut dan perlu dibatalkan dengan segera.

Jika dilihat dari pandangan positif, unsur-unsur kepercayaan terhadap semangat dan roh ni mempunyai kebaikan apabila ia dapat menyatukan masyarakat. Masyarakat akan saling bersama-sama dan membantu dalam melaksanakan amalan yang dipercayai oleh mereka. Manakala, jika dilihat dari sudut negatif pula, amalan kepercayaan terhadap roh ini sebenarnya bersifat berlebih-lebihan. Ini kerana masyarakat akan mempercayai segala kebaikan dan keburukan yang terjadi disebabkan oleh kehendak dan restu semangat tersebut. Ini sebenarnya telah menghadkan cara kehidupan seseorang.

Dalam konteks seni Persilatan Kura-Kura terdapat kepercayaan terhadap semangat laut yang mampu memberikan kesan semasa persembahan dilakukan. Semangat ini sangat dipercayai oleh pemain dan pengamal Silat Kura-kura kerana dikatakan dapat memberikan kekuatan kepada mereka yang memainkan aksi Silat Kura-Kura. Aktiviti pemujaan dilakukan di kawasan air seperti sungai dan laut. Tempat bermain silat ini juga dilakukan di pasir laut mahupun pasir sungai sebagai tanda menghormati dan memohon restu semangat air.

Menurut Mohd Yatim Isa (2016), ‘apabila dendang dipukul, aku akan menyembah tarianmu’ dan itulah kata keramat yang dipercayai telah memberikan beliau kekuatan dalam memperolehi banyak kemenangan dalam perlawanan Silat Kura-kura. Kepercayaan itu telah dipercayai olehnya dari beliau muda sehinggalah tua. Silat dikatakan mempunyai kesenian yang mendalam sekaligus melambangkan ciri-ciri kemelayuan yang sangat tinggi (Nik Azizul, 2016)

2.7 KERANGKA TEORI

2.7.1 Teori Perbandingan

Teori perbandingan ini telah dipilih bagi mendapatkan cara membandingkan pendapat. Teori perbandingan ini telah dirumuskan oleh Leon Festinger. Menurut teori ini proses saling membandingkan antara dua atau lebih merupakan satu keperluan. Keperluan ini perlu dipenuhi bagi menilai keseimbangan dan kelebihan sesuatu perkara.

Perbandingan dapat dilakukan dengan dua cara. Pertama, membandingkan pendapat diri sendiri dengan pendapat orang lain yang memiliki pendapat yang berlawanan dengan sesuatu yang dirasakan benar. Perbandingan ini disebut downward comparisons (Taylor&Lobel 1993). Kedua, membandingkan pendapat diri sendiri dengan pendapat

orang lain yang mempunyai pendapat yang hampir sama. Perbandingan ini disebut upward comparisons (Deaux, Et al 1993)

Teori perbandingan ini tidak bertujuan untuk membuat penilaian sesuatu pendapat benar atau salah (judgment). Oleh itu, proses 'perbandingan' yang dilakukan haruslah berhati-hati. Pengkaji merasakan teori perbandingan ini sesuai digunakan dalam kajian ini bagi mencari perbezaan dan kelebihan antara Silat Kura-Kura dan Pencak Silat.



BAB III

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian ialah satu daripada kaedah bagi mengetahui, menganalisis data dan memastikan maklumat itu sahih dan betul. Di bahagian metodologi ini juga biasanya melibatkan penggunaan teori dan fasa bagi memastikan kajian yang dilakukan mempunyai sokongan dan dapat diterima kerana mempunyai bukti dan maklumat yang lengkap.

Metodologi ini akan menerangkan mengapa pengkaji menggunakan sesuatu kaedah yang diguna pakai dalam kajian. Ia akan memudahkan pengkaji dan orang yang membaca akan mengetahui kajian ini secara lebih meluas dan terperinci. Proses ketika melakukan huraian terhadap kajian akan menjadikannya lebih tersusun, padat dan mudah difahami. Metodologi juga sering dikaitkan dengan disiplin kajian kerana dengan mengikut kaedah metodologi kajian yang betul, sesebuah kajian yang dikaji atau ditulis oleh pengkaji akan menjadi lebih baik dan kajian tidak akan lari dari apa yang ingin dikaji.

Metodologi kajian akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini bagi memastikan kajian ini mencapai tujuannya dan tidak tersasar. Dengan adanya metodologi kajian akan


memastikan penulisan lebih tersusun, teori atau maklumat penting tidak akan dilupakan dan data yang diperoleh akan dipastikan sah dan benar.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Dalam menghasilkan kajian mengenai perbandingan seni Silat Kura-Kura dan Pencak Silat ini, pengkaji akan menggunakan reka bentuk kajian penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Penyelidikan yang menggunakan kaedah kuantitatif biasanya melibatkan nombor dan graf bagi mencari serta meneliti hasil carian atau maklumat yang diinginkan. Dengan menggunakan kaedah kuantitatif, pengkaji dapat membuat pengesahan teori yang ingin digunakan atau dipakai. Andaian-andaian yang dibuat juga akan mampu dibuat dengan baik tanpa was-was kerana menggunakan kaedah kuantitatif.

Seterusnya pengkaji juga akan menggunakan kaedah kualitatif dalam melakukan kajian berkaitan Silat Kura-Kura di kawasan Kuala Berang, Hulu Terengganu. Menurut Denzin dan Lincoln (1994), kaedah kualitatif melibatkan kepelbagaian kaedah secara berfokus termasuklah kaedah secara semulajadi. Menurut sumber internet iaitu www.scribbr.com, kaedah kualitatif ialah satu kaedah yang tidak rumit dan mampu diistilahkan sebagai kaedah perkataan. Kaedah ini digunakan bagi memahami dan mengerti makna pemikiran, konsep dan pengalaman. Penggunaan kaedah ini membolehkan pengkaji mendapat maklumat yang lebih sah dan mendalam mengenai Silat Kura-Kura. Maklumat berkaitan Silat Kura-Kura juga akan difahami dengan lebih baik. Pengkaji akan menjalankan temubual responden yang terlibat bagi mendapatkan maklumat. Pengkaji juga akan mengasingkan kumpulan fokus yang dipilih seperti contoh responden anak muda dan warga emas.

Penggunaan pendekatan kuantitatif dan kualitatif ini akan dapat memberikan kesan yang baik kepada kajian. Kajian akan menjadi lebih lengkap dan sempurna manakala maklumat yang diperoleh akan dapat membantu pengkaji menghasilkan kajian dengan baik.



Rajah 1 : Rekabentuk kajian

3.3 KAEDAH KAJIAN

Pada bahagian kaedah kajian, pengkaji akan membincangkan sebab-sebab dan mengapa kaedah kualitatif digunakan dalam menyiapkan kajian ini kerana ia bertujuan memudahkan pengkaji mendapatkan data yang diperlukan.

3.4 TEKNIK PENGUMPULAN DATA

Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan dua teknik pengumpulan data dikenali sebagai kaedah primer dan kaedah sekunder. Dua kaedah ini digunakan bagi mengumpulkan data kajian oleh pengkaji. Kaedah primer merupakan data yang paling penting dan dikatakan data utama kepada pengkaji bagi kajiannya manakala kaedah sekunder pula ialah data yang sedia ada yang perlu dicari dan dikumpulkan oleh pengkaji sebagai tujuan rujukan dan pengumpulan data khas.

3.4.1 Kaedah Primer

i Temubual

Menurut Chong Wong (2009) dan Saidi Ismail (2010), temubual ialah satu kaedah pencarian maklumat secara terus dan melibatkan pengkaji dan responden bersemuka dalam satu jangka masa. Temubual secara bersemuka akan dilakukan oleh pengkaji terhadap responden yang telah dipilih. Tujuan temubual ini dilakukan bagi memahami dan mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan Silat Kura-Kura. Semasa temubual dijalankan, pengkaji akan merekod dan menulis apa yang diceritakan oleh responden. Hal ini bagi

mengelakkan pengkaji kehilangan maklumat-maklumat penting yang dinyatakan oleh responden.

Kaedah temubual yang akan digunakan oleh pengkaji ketika melakukan kajian ialah menggunakan kaedah temubual semi-struktur. Kaedah temubual semi-struktur ialah kaedah temubual yang tiada sebarang soalan yang ditulis oleh pengkaji secara khas tetapi pengkaji hanya menyediakan satu rangka yang ringkas berkaitan maklumat yang ingin diketahui oleh pengkaji daripada responden. Dengan kata mudah, soalan-soalan yang ditanyakan oleh pengkaji mengenai Silat Kura-Kura dan Pencak Silat kepada responden yang mana proses temubual berlaku secara spontan ataupun rawak. Maklumat akan dikumpulkan dan dinilai daripada penceritaan maklumat daripada responden.

Dengan melakukan kaedah temubual semi-struktur ini, kajian ini dapat dilihat secara menyeluruh tentang perbezaan Seni Silat Kura-Kura dan Pencak Silat di Kuala Berang, Hulu Terengganu.



Rajah 2 : Carta Alir 2, Carta aliran pembinaan soalan temubual

3.4.2 Kaedah Sekunder

i Kajian Kepustakaan

Pengkaji akan melakukan rujukan di perpustakaan yang berhampiran dengan pengkaji. Kajian yang dilakukan di perpustakaan bertujuan untuk mengukuh dan menjelaskan lagi kajian serta mencari maklumat yang lebih sahih dan kukuh yang pernah dikaji oleh pengkaji terdahulu mengenai sesuatu tajuk kajian menerusi kaedah ini, pengkaji akan mengkaji dan menganalisis buku-buku, jurnal, artikel dan pelbagai lagi rujukan kajian lepas yang berkaitan dengan bidang kajian pengkaji.

ii Rujukan Internet

Laman-laman web dan artikel yang terdapat di internet juga menjadi sebahagian daripada rujukan pengkaji bagi mencari maklumat berkaitan dengan kajiannya. Laman-laman web rasmi yang menjadi rujukan pengkaji terdiri daripada laman web Jabatan Kebudayaan dan kesenian Negara dan web rasmi kerajaan Negeri Terengganu.

3.5 PERSAMPELAN

Sebelum memulakan kajian, pengkaji haruslah mengetahui siapa dan berapa ramai populasi kajian yang ingin digunakan oleh pengkaji. Populasi ini haruslah mempunyai ciri tertentu dan sama seperti yang diinginkan oleh pengkaji seperti masyarakat di daerah Kuala Berang, Hulu Terengganu dan peminat Silat Kura-Kura mahupun Pencak Silat. Saiz sampel biasanya tidak lebih daripada 30 orang. Hal ini kerana, sampel yang sedikit ini mampu

memudahkan pengkaji membuat kesimpulan atau mencari maklumat dengan baik dan mudah. Persampelan ini dibuat bagi mengelakkan pengkaji mengeluarkan kos terlampau tinggi, menjimatkan masa pengkaji, memaksimumkan ketepatan dan jangkaan tempoh kajian dibuat.

3.6 ANALISIS DATA

Metodologi juga terdiri daripada unit analisis. Unit analisis ialah kaedah metodologi yang dipakai bagi menjalankan kajian terhadap Seni Silat Kura-Kura dan Pencak Silat di kawasan Kuala Berang, Hulu Terengganu. Unit analisis yang dipilih ialah analisis berupa manusia dan warisan orang Melayu. Pengkaji akan menganalisis peranan manusia dalam mengembangkan Silat Kura-Kura di kawasan Kuala Berang. Menganalisis bagaimana manusia menerima pengaruh Pencak Silat dan menganalisis bagaimana warisan Silat Kura-Kura kian dilupakan oleh masyarakat di Kuala Berang, Hulu Terengganu.

3.7 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian merupakan alatan yang digunakan oleh pengkaji semasa proses penyelidikan dilakukan. Alatan yang digunakan dapat membantu pengkaji agar urusan kajian menjadi lebih mudah, memudahkan urusan temubual, dapat mengambil bukti kajian dan sebagainya. Antara instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah:

3.7.1 Telefon Pintar

Semasa temubual ingin dijalankan bersama-sama responden, telefon pintar berperanan sebagai instrumen kajian bagi menghubungi responden. Telefon pintar ini juga digunakan bagi proses merakam perbualan pengkaji dan responden secara berdepan ketika responden menyampaikan maklumat. Selepas itu, video, gambar dan bukti-bukti kajian akan diambil menggunakan telefon pintar bagi melengkapkan proses kajian kelak.

3.7.2 Buku Catatan

Buku catatan merupakan instrumen yang penting bagi pengkaji. Segala maklumat yang penting akan dicatat termasuklah jawapan dan maklumat yang disampaikan oleh responden ketika temubual dijalankan. Beberapa perkara atau maklumat yang mungkin diperolehi secara spontan juga turut ditulis oleh pengkaji. Ia juga akan menjadi salah satu bukti kajian sedang dijalankan. Ketika proses penulisan kajian, buku catatan ini akan menjadi rujukan terpenting kepada pengkaji bagi mencari atau mendapatkan maklumat yang tercicir.


3.8 KESIMPULAN

Rumusan yang dapat dibuat oleh pengkaji ialah setiap kajian yang dilakukan haruslah mengikut proses-proses yang telah ditetapkan dan disusun agar hasil kajian yang diperolehi adalah terbaik. Kajian yang dirangka dan disusun akan memberikan kesan kepada pengkaji dalam menyelesaikan kajiannya. Data-data dan maklumat yang diperolehi oleh pengkaji haruslah dilihat dan diteliti terlebih dahulu agar maklumat tersebut sah dan tidak


terpesong dari tajuk kajian pengkaji. Oleh itu pengkaji telah mengambil inisiatif untuk menemubual orang berpengalaman dalam Silat Kura-kura dan Pencak Silat.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini merupakan bab yang merungkai dan menyatakan segala maklumat secara keseluruhan yang telah diperolehi dan dianalisis oleh pengkaji berdasarkan objektif kajian serta tajuk kajian yang dipilih. Bab ini penting dalam sesebuah projek penyelidikan bagi tujuan menjawab setiap permasalahan kajian dan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Dapatan kajian ini merangkumi tiga objektif utama yang telah dinyatakan oleh pengkaji iaitu pertama mengenalpasti sejarah dan perkembangan seni Silat Kura-Kura dan Pencak Silat, kedua ialah pengkaji dapat mengkaji perbezaan seni Silat Kura-Kura dengan Pencak Silat dan objektif yang terakhir adalah pengkaji dapat menghuraikan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memelihara dan memulihara seni Silat Kura-Kura. Oleh itu, pengkaji ingin mengetahui sama ada Silat Kura-Kura masih dimainkan pada hari ini dan adakah pantang larang yang diamalkan pada zaman dahulu masih diamalkan pada hari ini.

Pengkaji telah melakukan temubual secara atas talian disebabkan oleh wabak Covid-19 menerusi temubual beberapa individu dan juga pihak yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam Silat Kura-Kura dan Pencak Silat. Melalui kaedah ini, pengkaji telah mendapat maklumat dan data yang diinginkan.

4.2 MENGENALPASTI SEJARAH DAN PERKEMBANGAN SENI SILAT KURA-KURA DAN SILAT MODEN PENCAK SILAT

4.2.1 Mengenalpasti Sejarah Dan Perkembangan Seni Silat Kura-Kura

Kuala Berang, Hulu Terengganu atau pernah dikenali dengan nama Hulu Berang telah disebut oleh pedagang China yang pernah datang berdagang pada abad ke-21 Masihi merupakan salah satu daerah yang ada di Negeri Terengganu. Antara kampung yang terdapat di sekitar Kuala Berang ialah Kampung Jenagor, Kampung Matang, Kampung Telaga, Kampung Tajin, Kampung Tanjung Putat, Kampung Langgor, Kampung Menerong, Kampung Gunung dan banyak lagi. Daerah Kuala Berang merupakan satu-satunya kawasan yang dikatakan mempunyai warisan Silat Kura-Kura. Di kawasan kampung-kampung inilah dikatakan Silat Kura-Kura dimainkan dan mengalami perkembangan.



Rajah 3 : Pintu Gerbang Kuala Berang
(Sumber: Carian Google)


Menurut Timbalan Pengerusi Majlis Kebudayaan Daerah Hulu Terengganu iaitu Mohd Idris bin Deraman, beliau menyatakan sejarah pembentukan dan penubuhan Silat Kura-Kura dikatakan bermula pada abad ke-19 apabila terdapat seorang guru silat yang dikatakan bertapa di kawasan gua Hulu Paka Terengganu. Semasa beliau bertapa, beliau menyaksikan satu peristiwa perkelahian dua ekor kura-kura yang sedang berebut beberapa biji pisang hutan. Perkelahian antara kura-kura dan anak kura-kura berlaku begitu hebat memperlihatkan pelbagai pergerakan yang menarik. Kedua-duanya kelihatan berpusing-pusing sambil mengais-gais pasir dengan gerak-geri yang mengagumkan serta menghasilkan bunyi berdesing seolah-olah lagak dua orang yang sedang bertarung.



Gambar 1 : Aksi Kura-Kura Bertarung
(Sumber: JKKN Hulu Terengganu)

MALAYSIA

KELANTAN



Gambar 2 : Bukti Temubual Atas Talian Bersama Mohd Idris bin Deraman
(Sumber: Simpanan Peribadi)

Peristiwa tersebut diingati oleh guru silat berkenaan sehingga satu masa setelah tamat bertapa, beliau mempraktikkan dan mengolah gerak langkah kura-kura tersebut. Dari peristiwa tersebut lahirlah sejenis silat hasil ketajaman pengamatan dan sensitiviti seorang guru silat Melayu yang sangat berilmu dan handal. Keistimewaan silat ini telah diperturunkan kepada seorang perantau yang kebetulan bertapa di kawasan yang sama dengan guru silat berkenaan. Perantau tersebut berasal dari Hulu Berang yang bernama Ibrahim atau lebih mesra dikenali sebagai Pak Him sahaja. Daripada pertemuan tersebut, Pak Him mengembangkan lagi Silat Kura-Kura di Mukim Hulu Berang kepada penduduk yang dikenalpasti mampu mewarisi keunggulan Silat Kura-Kura ini. Antara penduduk yang dapat memperelajari dan mewarisi keunikan Silat Kura-Kura daripada Pak Him ialah Yunnus bin Muhammad.

Silat Kura-Kura berkembang di daerah Hulu Terengganu terutamanya di Kampung Menerong apabila Yunnus bin Muhammad telah membuka tempat latihan kepada

penduduk kampung khususnya anak muda yang ingin belajar Silat Kura-Kura. Tempat latihan ini dikatakan telah dibina di kawasan sungai Kampung Menerong disebabkan silat ini harus dimainkan di kawasan berpasir. Hasil usaha Yunnus bin Muhammad telah berjaya melahirkan para pesilat yang tersohor pada waktu itu seperti Pok Nuh, Pok Yatim, Yahya, Pak Mamat dan Mohamad Razali. Mereka dikenali sebagai orang lama atau pesilat sohor.



Peta 2 : Peta Kampung Menerong
(Sumber: Google Maps)

Mohamad Razali Bin Ismail yang berusia 74 tahun merupakan salah seorang tokoh Silat Kura-Kura yang masih hidup dan memperjuangkan Silat Kura-Kura sehingga ke hari ini. Beliau berkata kehebatan perjuangan beliau bersama rakan-rakan merupakan sesuatu yang harus dibanggakan kerana hasil usaha mereka bersama telah berjaya mengembangkan dan mengekalkan Silat Kura-Kura sehingga ke hari ini. Menurut Mohamad Razali Bin Ismail, beliau mempunyai ramai anak-anak murid yang telah berjaya mengembangkan Silat Kura-Kura di luar Negeri Terengganu. Anak-anak muridnya terdapat di Negeri Johor, Kelantan dan juga Singapura. Beliau berharap agar beliau diberikan kekuatan dan kesihatan yang baik agar beliau dapat mengembangkan dan menurunkan ilmu Silat Kura-Kura ini kepada lebih ramai anak-anak muridnya. Sejarah dan perkembangan Silat Kura-Kura telah diceritakan oleh responden kajian seperti petikan temubual berikut:

“Silat ni mula bila ada sorang orang silat gih tapa dekat gua mamang hujung Paka nung, dia cikgu silatlah, duk tapa tu napaklah ada kura-kura gocoh berlawanlah 2 ekor tu, Ye kalau kita tengok tangan kura-kura sama macam orang gocoh (berlawan maksud saya), tangan dia gih depan gih belakang pahtu ada bunyi memang unik berdeoh, ye dengar sakit linge sebabnya bunyi desing, lepas tengok kura gocoh dia guru yang bertapa ni rasa macam jadi kemas cara kura-kura ni gocoh jadi sinilah mula Silat Kura-Kura ilham gaya gerok tu, kat gua sama guru silat jumpa dengan Pok him je kita panggil orang pandai silat, Pok Him ni lah bawok mari sebar Silat Kura kat Kuala Berang, Pok Him lenim ninggal dah lama dah, anak-anok murid dia ada lagi kat Kuala Berang ni.”


(R1,2021)

“Silat Kura ni kalau tengok sejarah sebab ada 2 ekor kura baloh, sebab lapor ada pisang dengar kata mak dengan anak, berebut berebut pisang ni yang guru tapa dalam gua Paka tu napak...haishhh, gane nak kata, molek kura ni baloh jadi ye wak jadi silat, kalau kita tengok molek memang cara silat ni butir macam kuralah dah ikut tu ambiknya, dok lama seborlah silat ni kat Kuala Berang, tempat lain jangan cari memang dok jupe masa tu, lenim ada doh anak-anok murid pokli pun ada luo ganu.”

(R2,2021)



Gambar 3 : Tokoh Silat Kura-Kura Mohamad Razali Bin Ismail
(Sumber: JKKK Hulu Terengganu)



Gambar 4 : Bukti Temubual Atas Talian Bersama Mohamad Razali Bin Ismail
(Sumber: Simpanan Peribadi)

Silat Kura-Kura ini sentiasa dipertontonkan dalam pelbagai majlis keramaian seperti Majlis perkahwinan, majlis ilmu, majlis sambutan orang kenamaan dan pelbagai lagi majlis yang diadakan di kawasan kampung-kampung di daerah Hulu Terengganu. Para penonton yang hadir menonton persembahan Silat Kura-Kura pasti terhibur dengan telatah

dan juga gelagat pesilat ketika tarian Silat Kura-Kura dipersembahkan. Antara pencapaian yang dikecapi oleh pasukan Silat Kura-Kura dan harus dibanggakan sehingga ke hari ini ialah dengan mempertontonkan persembahan silat Kura-Kura di Persembahan Seni dan Budaya di Singapura. Menurut Mohd Idris bin Deraman, beliau pernah melihat persembahan Silat Kura-Kura yang paling terhebat dalam hidupnya ketika Silat Kura-Kura ini dipersembahkan di Sekolah Menengah Ajil, Hulu Terengganu ketika lawatan Pendana Menteri iaitu Yang Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad.



Gambar 5 : Persembahan Silat Kura-Kura
(Sumber: Carian Google)

Perkembangan yang paling unggul dan membanggakan sehingga ke hari ini yang tidak dapat dilupakan oleh Majlis Kebudayaan Daerah Hulu Terengganu ialah apabila mereka berjaya mewujudkan pasukan-pasukan pelapis Silat Kura-Kura daripada golongan belia selepas ditunjuk ajar dan dilatih. Mohd Idris Bin Deraman berkata sangat susah bagi menarik minat anak muda untuk mendalami ilmu persilatan Kura-Kura kerana kewujudan pelbagai permainan yang moden dan relevan dengan kemajuan sains dan teknologi pada hari ini. Usaha bagi menarik minat anak muda untuk melibatkan diri dalam Silat Kura-Kuru bergitu mencabar telah diceritakan oleh responden kajian seperti petikan temubual berikut:

“nok cari anak muda lenim susah, hulur duit ada nok main tu pun hangat taik ayam orang kabo, nok cari yang betul-betul kena dengan jiwa kekal lama dalam bidang ni, banyak minat benda-benda mainan canggih nung, ada sekerat dua kita latih tapi dok ramai, anak kita diri 4 orang dok minat dalam bidang ni, paksa dok jadi kena kehendak diri”

(R1,2021)

4.2.2 Mengenalpasti Sejarah Dan Perkembangan Seni Silat Moden (Pencak Silat)

Pencak Silat adalah satu silat yang berasal dari Indonesia dan berkembang sehingga ke Thailand Selatan. Di Negara Indonesia dan Thailand Selatan, pencak silat merupakan silat tradisional namun berbeza apabila ia berkembang dan dimainkan di Malaysia Pencak Silat digelar silat moden kerana ia telah digubah dan diolah dengan unsur-unsur budaya Melayu yang lemah lembut dan tidak mengamalkan budaya kasar. Oleh itu, unsur-unsur kasar yang terdapat dalam Pencak Silat yang diamalkan di negara Indonesia dan Thailand Selatan tidak diamalkan di Malaysia.

Di Indonesia, sejarah Pencak Silat dikatakan bermula apabila seorang perempuan telah melihat pergaduhan antara seekor harimau dan monyet. Harimau dan monyet tersebut telah melakukan aksi lawan yang begitu ngeri dan sangat tangkas. Ia kemudian diolah oleh penduduk Indonesia dengan senjata seperti menggunakan senjata parang dan perisai sebagai pengganti kuku harimau di dalam persembahan Pencak Silat. Sejak dari peristiwa tersebut, Gerak geri atau langkah Pencak Silat mula disusun dan dimainkan di Indonesia sehingga ia menjadi seni silat tradisional rakyat Indonesia.



Gambar 6 : Persembahan Pencak Silat
(Sumber: Carian Google)

Seorang guru Pencak silat yang mempunyai Pusat Latihan Pencak Silat di Hulu Terengganu iaitu Syed Hamiruddin bin Ya'Mi atau lebih mesra dipanggil Syeddin telah menyatakan bahawa Pencak Silat mendapat pengaruh ilmu bela diri daripada Indonesia dan Thailand. Namun, apabila pencak silat mula masuk dan berkembang di Malaysia, ia mula disesuaikan dengan budaya atau pengaruh masyarakat Melayu. Pada tahun 1978, pihak Kementerian Kebudayaan Malaysia telah melihat Pencak Silat mampu dikembangkan dan dibangunkan di Malaysia kerana ia mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Oleh itu, Pihak Kementerian Kebudayaan Malaysia telah membuat satu perancangan dengan mengadakan beberapa perbincangan bersama beberapa pengamal silat yang dikenalpasti dapat menyokong usaha pihak Kementerian Kebudayaan Malaysia untuk mengembangkan Pencak Silat di Malaysia.

Dari usaha tersebut, Pencak Silat telah berjaya didaftarkan atas tujuan membina, menyusun dan menguruskan perlindungan Silat Moden. Dari peristiwa inilah Pencak Silat telah dikenali dan diberikan perhatian khususnya golongan muda yang berminat dengan silat. Pemain-pemain Pencak Silat turut menjadikan Pencak Silat sebagai sumber

pendapatan mereka kerana pelbagai acara berkaitan Pencak Silat sering dilakukan dan menawarkan hadiah yang lumayan seperti wang ringgit.

Pada tahun 1978 juga, satu lagi usaha pihak Kementerian Kebudayaan Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia telah bergabung dan berusaha untuk membina satu badan atau kumpulan yang mengabungkan silat-silat di Malaysia dan pada tahun 1983 mereka telah berjaya menubuhkan Majlis Seni Silat Malaysia. Pelbagai kumpulan silat dari serata Malaysia mula berdaftar termasuklah Persatuan Pencak Silat. Ini memberikan kelebihan dan kepentingan kepada pencak silat untuk berkembang dengan lebih giat di Malaysia.

Pada 18 September 2015, Perdana Menteri ketika itu iaitu Datuk Seri Najib Razak telah mengiktiraf Pencak Silat sebagai seni bela diri rasmi di Malaysia dan diwartakan sebagai warisan negara. Disebabkan oleh pengiktirafan tersebut, maka wujudnya olahraga Pencak Silat. Pencak Silat juga secara rasmi telah dikategorikan sebagai sebahagian daripada sukan Asia Tenggara. Sejarah dan perkembangan Pencak Silat telah diceritakan oleh responden kajian seperti petikan temubual berikut:

“Pencak Silat mula dari Indo tersebar ke banyak negara, termaksudlah Malaysia, bila masuk Malaysia kita ubah dia sebab asalnya Pencak Silat aksi ganas bahaya dok sesuai dengan orang kita, banyak usaha orang-orang aktif Pencak Silat cuba nak naik taraf Pencak Silat kat Malaysia macam usaha pihak Kementerian Kebudayaan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, betul-betul Pencak Silat diiktiraf Pada 18 September 2015 rasanya masa Datuk Najib memerintah.”

(R3,2021)



Gambar 7 : Wakil Sukma Pencak Silat Pasukan Sabah

(Sumber: Carian Google)

4.3 PERBEZAAN SENI SILAT KURA-KURA DENGAN SENI SILAT MODEN (PENCAK SILAT)

4.3.1 Pakaian

Pakaian merupakan sesuatu pelindung badan yang mempunyai makna dan maksudnya yang tersendiri mengikut pemahaman dan kehendak orang yang memakainya. Pakaian juga sering dikaitkan dengan budaya, bangsa, adat dan kepercayaan. Melalui pakaian yang dipakai oleh seseorang, orang yang melihat mampu memberikan gambaran awal tentang siapa kita dan apa tujuan kita memakai pakaian tersebut. Pakaian yang dipakai dalam setiap permainan atau acara juga biasanya berlainan dan menjadi simbolik yang penting bagi mewakili identiti sesebuah kumpulan. Oleh itu, setiap silat yang terdapat di Malaysia juga mempunyai perbezaan dari segi pakaiannya yang mewakili identiti jenis silat tersebut.

Silat Kura-Kura dan Pencak Silat juga mempunyai perbezaan yang ketara dari segi pakaian yang dipakai oleh pemain silat ketika silat dipersembahkan. Menurut Mohd Idris bin Deraman, pemain Silat Kura-Kura akan memakai Baju Melayu yang berwarna biru muda di bahagian depan dan biru gelap di bahagian belakang. Di bahagian tengah dan sisi lengan baju pemain Silat Kura-Kura juga mempunyai jalur alur tebal yang berwarna kuning terang. Keunikan dalam rekabentuk baju pemain Silat Kura-Kura yang paling ketara dan berbeza dengan pakaian Pencak Silat ialah rekaan baju belakangnya yang berbentuk seperti kulit cengkerang kura-kura. Akhir sekali, pemain Silat Kura-Kura juga akan memakai tengkolok tanjak berwarna biru muda dan berjalur kuning. Para pemain juga hanya berkaki ayam ketika melakukan persembahan. Pakaian yang dipakai oleh ahli silat Kura-Kura semasa persembahan diceritakan oleh responden kajian seperti petikan temubual berikut:

“Baju Silat Kura-Kura ni unik warna biru gane nok kata, dok nyelar dok ceroh, belakang lain depan dia biru lain, kalu perhati molek belakang ada lambang macam badan kura, benda kita panggil kerang cekerang, kita Lukis situ dok beradung jahit, lengan dia ada jalur kuning, atas pala wajib pakai kolok masa main kemas napok budaya kita orang tengok beradat.”

(R1,2021)



Gambar 8 : Rekaan baju belakang Silat Kura-Kura
(Sumber: Carian google)



Gambar 9 : Pakaian Lengkap Silat Kura-Kura
(Sumber: Carian google)

Pakaian bagi Pencak Silat pula berbeza dari Silat Kura-Kura. Menurut Syed Hamiruddin bin Ya'Mi, pemain Pencak Silat biasanya memakai Baju Melayu. Pakaian Baju Melayu akan dipakai oleh pemain silat lelaki dan perempuan. Baju Melayu yang dipakai pula berwarna hitam. Pemain Pencak Silat akan memakai bengkung atau tali pinggang. Warna bengkung dan tali pinggang berbeza bagi setiap pemain mengikut pangkat pesilat.



Gambar 10 : Baju Melayu Pencak Silat
(Sumber: Carian google)

Terdapat 13 peringkat pangkat dan warna bengkung dalam pakaian Pencak Silat. Warna bengkung dan pangkat tersebut ialah bengkung berwarna merah mewakili pangkat peringkat 1, peringkat 2 bengkung merah (berjalur kuning), peringkat 3 bengkung kuning, peringkat 4 bengkung kuning (berjalur hijau), peringkat 5 bengkung hijau, peringkat 6 bengkung hijau (berjalur biru), peringkat 7 bengkung biru, peringkat 8 bengkung biru (berjalur hitam), peringkat 9 bengkung hitam, peringkat 10 bengkung hitam (berjalur merah), peringkat 11 bengkung hitam (berjalur merah kuning), peringkat 12 bengkung hitam (berjalur merah, kuning, dan hijau) dan akhir sekali peringkat 13 bengkung hitam (berjalur tiga emas).

Di atas bengkung pula, pemain Pencak Silat akan memakai kain sarung serta mereka wajib meletakkan keris pada bahagian pinggang. Hal ini kerana keris juga merupakan perkara wajib dalam adat permaknaan Pencak Silat. Para pemain juga akan memakai tengkolok atau dipanggil tanjak. Tengkolok dan tanjak ini akan diikat dengan cara yang berbeza mengikut pangkat dan kepercayaan pemain Pencak Silat. Pakaian yang dipakai oleh ahli Pencak Silat semasa persembahan diceritakan oleh responden kajian seperti petikan temubual berikut:

“Silat kita simple pakai Baju Melayu kaler hitam dok kisah puang ke laki sama, ada bekung, bekung beza warna tanda pangkat pengalaman dalam silat, dokleh tinggal keris sebab jate wajib masa tanding, kalau Silat Kura-Kura pakai tengkolok kita pakai tanjak tu pun ikut pangkat pemain.”

(R3,2021)



Gambar 11 : Warna Bengkung Dalam Pakaian Pencak Silat
(Sumber: Carian google)



Gambar 12 : Pakaian Lengkap Pencak Silat
(Sumber: Carian Google)

4.3.2 Pantang Larang

Setiap kaum mempunyai pantang larang dan kepercayaan yang tersendiri. Begitu juga dengan orang Melayu. Orang Melayu sering dikaitkan dengan pantang larang adat dan budaya yang dipercayai telah diperturunkan sejak sekian lamanya. Kebiasaannya, pantang

larang ini akan diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain dan ia bertujuan bagi mendidik masyarakat kepada budaya dan sifat yang baik. Begitu juga dengan silat. Silat Kura-Kura dan Pencak Silat juga mempunyai pantang larangnya yang tersendiri.

Antara pantang larang yang pernah diamalkan satu ketika dahulu dalam Silat Kura-Kura menurut Mohamad Razali bin Ismail ialah para guru silat tidak boleh memakan pisang hutan. Para guru silat tidak boleh memakan pisang hutan selama mana mereka masih berniat untuk menambah pelajar baru di bawah jagaan mereka. Hal ini dikatakan pisang hutan merupakan makanan yang direbut oleh ibu kura-kura dan anak kura-kura dan jika guru memakan pisang hutan berkenaan, ia seakan-akan petanda bahawa guru berkenaan tidak tulus menyampaikan ilmu dan ingin merebut ilmu silat dari anak muridnya sendiri. Namun, sesuai dengan peredaran waktu, pantang larang ini tidak lagi diamalkan dalam Silat Kura-Kura.

Pantang larang yang masih diamalkan sehingga ke hari ini pula ialah wanita tidak dibenarkan terlibat dalam proses pembelajaran, mengikuti pertandingan dan persembahan Silat Kura-Kura. Para wanita tidak dibenarkan mendalami ilmu Silat Kura-Kura kerana silat ini bersifat kasar dan bermain dengan emosi. Wanita tidak sesuai melakukan aksi-aksi kasar kerana kehormatan wanita harus dijaga dan wanita juga dikatakan tidak mampu mengawal emosi seperti tingkah laku ibu kura-kura yang tidak mahu mengalah walaupun dengan anaknya sendiri. Tetapi, para wanita dibenarkan untuk menyaksikan dan memberi sokongan kepada pemain silat ketika persembahan diadakan.

Seterusnya, Silat Kura-Kura juga mempunyai pantang larang apabila Silat Kura-Kura dikatakan hanya boleh dipersembahkan di kawasan berpasir sahaja. Pada zaman dahulu, Silat Kura-Kura hanya boleh dipersembahkan dan dilihat di kawasan-kawasan pasir sungai sahaja. Ia Hal ini kerana pemain akan mendapat aura dan semangat roh pasir yang luar biasa jika Silat Kura-Kura dipersembahkan di kawasan berpasir kerana kawasan

pasir sungai merupakan kawasan asal kura-kura. Sehingga ke hari ini, pusat latihan pemain Silat Kura-Kura masih diadakan di kawasan pasir sungai Kampung Menerong.

Walaupun Silat Kura-Kura pada hari ini kebiasaannya dipersembahkan di dalam dewan dan bukanlah di kawasan berpasir lagi, para guru silat tetap akan membawa segenggam pasir sungai dan meletakkannya ke dalam kain kuning dan dibawa ke kawasan persembahan. Hal ini dilakukan bagi memastikan para pemain dapat merasakan aura dan semangat yang dikatakan luar biasa seakan membuat persembahan di atas pasir sungai. Pantang larang Silat Kura-Kura ini diceritakan oleh responden kajian dalam petikan temubual tersebut:

“ada beberapa pantang larang macam orang silat caya, supe dulu guru silat dok makan pisang hutang takut dapat masalah ilmu tu dok jalan molek bila serah ke anak murid, lenim dok doh makan belake pisang hutang pun susah nak dapat, pah tu kita caya pah ke leni kami memang dok ajor orang puang gane gane dokleh, puang ni lembut kita jaga kasar bukan mainan sek deme, dulu nak tengok silat kura-kura sungai, caya sungai ada aura dia tapi lenim orang kita mana panggil kita g.”

(R2,2021)

Bagi Pencak Silat pula, menurut Hairuddin bin Kamal iaitu sorang pemain Pencak Silat menyatakan bahawa Pencak Silat tidak mempunyai pantang larang seperti silat tradisional tetapi Pencak Silat mempunyai beberapa syarat yang ditetapkan dan ia harus diikuti oleh mereka yang ingin mendalami ilmu Pencak Silat. Syarat-syarat ini pula harus diikuti oleh pemain dengan tulus dan jujur. Antara syarat asasnya ialah pemain silat jika beragama Islam haruslah solat lima waktu, taat kepada ibu bapa, mendapat restu dari ibu bapa dan mempunyai disiplin yang tinggi. Syarat-syarat ini bertujuan bagi memastikan ilmu Pencak Silat yang diperoleh itu menjadi berkat dan kelancaran ketika pertandingan

Pencak Silat dipersembahkan. Pantang larang Pencak Silat diceritakan oleh responden kajian dalam petikan temubual tersebut:

“sepanjang saya main sini, pantang larang Pencak Silat dok macam silat dulu-dulu, kita moden benda lama-lama kita dok amal tapi nak ilmu kena jujur, kena perangai molek.”

(R4,2021)

4.3.3 Jumlah Pesilat dan Waktu Persembahan

Bagi menyempurnakan setiap persembahan dan pertandingan beberapa strategik akan disusun dan dirancang bagi memastikan persembahan dan pertandingan berjalan dengan lancar. Begitu juga dengan bilangan ahli yang terlibat dalam sesebuah persembahan.

Menurut Syed Hamiruddin bin Ya'Mi, persembahan Silat Kura-Kura yang dipersembahkan di majlis-majlis formal dan besar melibatkan seramai 6 orang pesilat. Mereka akan melakukan tarian Silat Kura-Kura secara serentak dengan aksi yang sama. Seorang kepala akan dilantik dalam kalangan 6 orang pemain. Pemain Silat Kura-Kura yang berfungsi sebagai kepala akan menjadi penanda dan ikutan langkahnya akan diikuti pesilat yang lain.



Gambar 13 : Silat Kura-Kura Seramai 6 Orang
(Sumber: JKKK Hulu Terengganu)

Bagi tujuan pertandingan Silat Kura-Kura pula seramai dua orang pemain akan terlibat. Dua pemain Silat Kura-Kura akan melakukan aksi seakan sedang bertarung antara satu sama lain. Setiap pemain akan melakukan aksi dan langkah yang berbeza. Aksi dan langkah mereka telah dirancang dan mereka sering melakukan latihan. Mereka akan berfungsi sebagai penyampai dan penentang. Penyampai bertindak sebagai ibu kura-kura manakala penentang sebagai anak kura-kura. Pada akhir persembahan, pemain yang bertindak sebagai penyampai akan memenangi pertandingan.

Untuk Pencak Silat pula, menurut Hairuddin bin Kamal, jumlah pemain yang terlibat dalam setiap pertandingan hanyalah dua orang. Pencak Silat tidak melakukan persembahan di majlis atau menerima jemputan. Pencak Silat hanya dipersembah di dalam gelanggang perlawanan. Dua orang pemain yang mewakili pasukan yang berbeza akan bertarung antara satu sama lain untuk menjunjung kemenangan. Tingkah laku dan aksi mereka adalah secara spontan dan menggunakan ilmu Pencak Silat yang telah diajar oleh guru silat mereka.



Gambar 14 : Pertandingan Pencak Silat
(Sumber: Carian Google)

4.3.4 Senjata

Penggunaan senjata dalam seni silat bela diri Melayu tidak asing lagi. Uniknyanya dalam silat Melayu kadang-kadang senjata tidak digunakan semata-mata untuk berlawan tapi ia juga digunakan untuk perhiasan diri.

Namun, menurut Mohd Idris bin Deraman, terdapat sedikit kelainan dalam Silat Kura-Kura apabila persembahan Silat Kura-Kura tidak melibatkan penggunaan senjata tradisional. Silat Kura-Kura hanya menggunakan lenggok badan yang berperanan menjadi senjata dalam mempertahankan diri daripada pihak musuh. Lenggokan badan para pemain Silat Kura-Kura akan beraksi seakan-akan seekor kura-kura yang sedang mengais-gais pasir dan mengambil pisang hutan dari anaknya menggunakan siku. Siku menjadi senjata dalam melindungi diri daripada pihak lawan dan siku menjadi senjata dalam mempertahankan diri dari pihak lawan. Fokus utama dalam persembahan Silat Kura-Kura juga tertumpu kepada kecantikan dan kekemasan gerak geri siku para pemain Silat Kura-Kura. Persembahan Silat Kura-Kura akan terlihat menarik dan baik apabila gerakan siku

dikawal dengan baik oleh pemain Silat Kura-Kura. Maklumat ini diceritakan oleh responden kajian dalam petikan temubual tersebut:

“Silat kura-kura dok guna jate sebab macam saya kabo tadi kita ambik silat ni dari kura-kura, apa kura-kura buat kita ikut je, memang nok katalah dari awal persembahan pah habis guna anggota badan dok guna senjata senjata langsung sebab dia inspirasi atau orang kata ambik mana tiru-tiru ni memang jawapan dia dari kura-kura,, paling utama kita guna kekuatan siku, makna kata comel kawal siku comel persembahan. Kalau pemain yang bawok haritu pandai jaga situ pandai kawal siku penonton lebih syok tengok sebab persembahan akan lebih jadi orang gelar handal pemain bawok”

(R1,2021)



Gambar 15 : Kekemasan Gerak Geri Siku Dari Sisi
(Sumber: JKKM Hulu Terengganu)

MALAYSIA
KELANTAN



Gambar 16 : Kekemasan Gerak Geri Siku Dari Belakang
(Sumber: JKKN Hulu Terengganu)



Gambar 17 : Kekemasan Mengunci Siku Pihak Lawan
(Sumber: JKKN Hulu Terengganu)

Berbeza pula bagi Pencak Silat. Menurut Syed Hamiruddin bin Ya'Mi, terdapat banyak penggunaan senjata yang digunakan dalam pertandingan mengikut keperluan dan kemahiran para pemain Pencak Silat. Antara senjata yang digunakan ialah keris. Senjata keris berbentuk hampir sama dengan pisau tetapi ia berbentuk sedikit bergelombang yang mana ia diperbuat daripada pelbagai jenis logam. Cara penjagaan keris bagi Pencak Silat sangat unik kerana pemain dikehendaki mencuci dan merendamkan keris ke dalam air asam

selepas selesai pertandingan. Jenis penggunaan senjata dalam Pencak Silat diceritakan oleh responden kajian dalam petikan temubual tersebut:

“Pertandingan ikut kategori, kategori ikut bahagian senjata yang mana persilat tu mahir, banyak bahagian kita ada macam, keris, kunjung, awak kenal kunjung, macam pisou tapi likut sikit...lagi samping...samping jangan ingat mahal tu...yang kita guna sini warne putih, tongkat banyak lagi, kipas, parang, .deme jangan mikir parang lipas tu lain.”

(R3,2021)



Gambar 18 : Senjata Keris
(Sumber: Carian Internet)

Senjata kedua yang digunakan dalam pertandingan Pencak Silat ialah kujang. Kujang merupakan satu alat senjata yang dicipta pada abad ke-8 yang mana diperbuat daripada besi dan logam. Ukuran kujang yang biasa digunakan dalam Pencak Silat ialah sekitar 20 hingga 25 cm dan beratnya pula sekitar 300 gram.



Gambar 19 : Senjata Kujung
(Sumber: Carian Internet)

Senjata sampung juga digunakan dalam pertandingan Pencak Silat. Sampung berbentuk seakan selendang yang berwarna putih. Namun, dalam Pencak Silat, sampung ini diperbuat daripada kain sutera dan dipakai di sekitar pinggang dan bahu. Apabila pemain silat ingin membuka langkah dan menyerang pihak lawan, kain sampung akan digunakan sebagai senjata.



Gambar 20 : Senjata Sampung
(Sumber: Carian Google)

Seterusnya senjata yang digunakan dalam Pencak Silat ialah senjata tongkat atau dipanggil toya. Senjata tongkat ini diperbuat daripada rotan hutan yang keras dan tahan lasak.



Gambar 21 : Cara Penggunaan Senjata Tongkat
(Sumber: Carian Google)

Kipas lipat tradisional juga digunakan dalam aksi Pencak Silat. Kipas lipat tradisional ini telah ditambah fungsinya dengan meletakkan besi yang tajam di belakang kipas. Besi berfungsi agar dapat mematikan gerakan tangan pihak lawan.



Gambar 22 : Senjata Kipas
(Sumber: Carian Google)



Gambar 23 : Cara Penggunaan Senjata Kipas
(Sumber: Carian Google)

Selain itu, senjata yang dikenali dengan nama sundang yang dikatakan berasal daripada bugis juga digunakan oleh pemain Pencak Silat untuk mempertahankan diri dalam gelangang. Senjata ini dilihat seakan sama dengan keris namun senjata sundang mempunyai ukuran yang lebih panjang.



Gambar 24 : Senjata Sundang
(Sumber: Carian Google)



Gambar 25 : Cara Penggunaan Senjata Sundang
(Sumber: Carian Google)

Akhir sekali, senjata yang sering digunakan oleh pemain Pencak silat ialah parang. Parang yang digunakan dalam seni silat ini berukuran pendek dan sederhana. Parang ini direka khas dan bukanlah parang yang digunakan untuk menebas. Hujung parang ini kelihatan mempunyai hujung yang tajam tetapi ia sebenarnya tumpul dan tidak diasah bertujuan melindungi pemain dari tercedera.



Gambar 26 : Senjata Parang
(Sumber: Carian Google)



Gambar 27 : Cara Penggunaan Senjata Parang
(Sumber: Carian Google)

4.3.5 Alat Muzik

Penggunaan alat muzik dalam sesuatu persembahan akan membuatkan persembahan kelihatan lebih sempurna. Bahkan bukan itu sahaja, kadang-kadang alat muzik yang dimainkan dengan orang yang mempunyai kemahiran boleh menarik perhatian para penonton terhadap sesebuah persembahan yang dilakukan. Dalam persembahan silat juga, penggunaan alat muzik memainkan peranan yang penting bagi memastikan persembahan lebih menarik dan memberikan kesan kepuasan kepada para penonton.

Menurut Mohd Idris bin Deraman, dalam persembahan Silat Kura-Kura terdapat tiga alat muzik utama yang sering digunakan. Antara alat muzik berkenaan ialah gong. Gong yang digunakan dalam Silat Kura-Kura diperbuat daripada gangsa bercampur timah. Cara memainkan gong ialah dengan cara mengetuk doi bahagian tengah yang dipanggil muka membojol keluar. Ia juga dipalu dengan kayu yang dibalut dengan getah bagi menghasilkan bunyi berdengung. Bunyi berdengung yang dihasilkan dari ketukan gong

dikatakan hampir sama dengan bunyi suara dan nafas kura-kura ketika merebut pisang hutan. Penggunaan lata muzik semasa persembahan Silat Kura-Kura diceritakan oleh responden kajian dalam petikan temubual tersebut:

“Irama muzik jugak tarikan utama kita nak bagi penonton terhibur, dalam Silat Kura-Kura persilat bukan reti silat pandai main alat tradisional, alat muzik, boleh tengok pemain main gong, seruling, gendang, setakat harini alat ni berguna nak hasil muzik molek.”

(R1,2021)



Gambar 28 : Alat muzik gong
(Sumber: Carian Google)

Seterusnya, alat muzik seruling juga digunakan ketika persembahan dilakukan. Seruling yang digunakan haruslah diperbuat daripada buluh hutan. Penggunaan seruling yang diperbuat daripada buluh hutan akan mengeluarkan bunyi yang tebal dan nyaring seakan berdesing. Bunyi berdesing dikatakan sama dengan bunyi siku kura-kura Ketika mempertahankan dirinya semasa diserang pihak lawan. Seruling mempunyai lapan lubang dan lubang pertama berfungsi sebagai tempat meniup dan ia akan mengalirkan bunyi ke

lubang-lubang seterusnya. Bunyi seruling juga dikatakan berfungsi sebagai penjinak kura-kura. Dalam persembahan, ia diibaratkan berfungsi sebagai penjinak langkah pemain silat.



Gambar 29 : Alat Muzik Seruling
(Sumber: Carian Google)

Akhir sekali alat muzik yang digunakan dalam Silat Kura-Kura ialah gendang. Gendang ialah sebuah jenis alat muzik tradisional yang diperbuat daripada kulit binatang seperti kerbau dan lembu. Terdapat dua saiz gendang yang sering digunakan dalam persembahan Silat Kura-kura iaitu saiz sederhana dan saiz halus. Menurut Mohd Idris bin Deraman, saiz gendang halus mengeluarkan bunyi yang lebih sedap selepas dipalu dan diusap berbanding gendang sederhana.

MALAYSIA

KELANTAN



Gambar 30 : Alat Muzik Gendang
(Sumber: Carian Google)

Bagi Pencak Silat pula, tiada penggunaan alat muzik tradisonal mahupun moden digunakan ketika tarian Pencak Silat dipersembahkan. Namun, menurut Syed Hamiruddin bin Ya'Mi, sepanjang berlangsungnya pertandingan Pencak Silat, para pemain akan ditemani dengan iringan muzik yang dipasang dari mula hingga habis pertandingan Pencak Silat. Antara muzik yang kebiasaan menjadi iringan ketika pertandingan Pencak Silat berlangsung ialah Muzik Pencak Silat Nusantara, Seni Muzik Kumpulan Pengiring Pencak Silat, Muzik Pencak Silat Degung, Muzik dan Lagu Gerakan Pencak Silat.

“Kalau ikutkan sepanjang saya terlibat dalam bidang ni memang guna irama muzik yag dipasang masa pertandingan berjalan.”

(R3,2021)

4.4 USAHA MEMELIHARA DAN MEMULIHARA SILAT KURA-KURA DI KUALA BERANG, HULU TERENGGANU

Peribahasa “tak basah dek hujan, tak lekang dek panas” boleh digunakan bagi menunjukkan bahawa warisan budaya seperti Seni Silat Kura-Kura dan Pencak Silat perlu diperlihara dan dijaga dengan baik agar ia tidak lapuk dan terus dikenali oleh generasi akan datang. Tepuk dada tanya selera, berapa ramaikah anak muda generasi sekarang yang mengenali Silat Kura-Kura? Adakah golongan muda masih berminat dengan Silat Kura-Kura? Oleh hal demikian, sangat wajar tindakan segera diambil untuk memelihara dan memulihara dilakukan bagi memastikan warisan Silat Kura-Kura di Kuala Berang, Hulu Terengganu terus subur dan tidak dilupakan oleh masyarakat negara ini khususnya masyarakat muda di Kuala Berang, Hulu Terengganu.

Menurut Mohd Idris bin Deraman, beberapa langkah memelihara dan memulihara telah dilakukan bagi memastikan Seni Silat Kura-Kura ini tidak pupus. Antara langkah yang diambil ialah dengan menubuhkan kumpulan pelatih. Kumpulan pelatih ini dikenali dengan nama Kumpulan Anak Kura-Kura dan Kumpulan Cucu Kura-Kura. Ahli pelatih Kumpulan Anak Kura-Kura dan Cucu Kura-Kura terdiri daripada penduduk jati Negeri Terengganu. Mereka melibatkan diri dalam kumpulan ini secara sukarela tanpa paksaan. Para pelatih biasanya mengetahui tentang Seni Silat Kura-Kura apabila pihak Majlis Kebudayaan Hulu Terengganu sering melakukan pencarian bakat baru ketika melakukan persembahan di mana-mana majlis jemputan dan persembahan.

Kebiasaannya, umur pelatih dari kalangan ahli Kumpulan Anak Kura-Kura dan Cucu Kura-Kura diambil daripada kalangan belia. Mereka ini berumur sekitar 18 hingga 40 tahun dan hanya lelaki sahaja menjadi ahli. Pemilihan umur sekitar 18 hingga 40 tahun bertujuan untuk memastikan penyebaran tentang Silat Kura-Kura dan kumpulan ini tersebar kepada lebih ramai anak muda di Terengganu. Tiada bayaran atau yuran yang

dikenakan jika anak-anak muda ingin menyertai Kumpulan Anak Kura-Kura dan Kumpulan Cucu Kura-Kura.

Para pelatih Kumpulan Anak-Anak Kura-Kura dan Kumpulan Cucu Kura-Kura akan diajar asas-asas Silat Kura-Kura terlebih dahulu dalam jangka masa pendek. Mereka boleh menarik diri dari menjadi pelatih dan keluar daripada kumpulan ini jika merasakan diri tidak sesuai dan tidak mampu mendalami ilmu Persilatan Kura-Kura. Sebaliknya, jika mereka berminat untuk melibatkan diri secara lebih mendalam dalam mempelajari ilmu Silat Kura-Kura pula mereka akan didaftarkan di bawah satu kumpulan yang dikenali sebagai Persatuan Kebudayaan Silat Kura-Kura Menerong Terengganu.

Penubuhan Persatuan Kebudayaan Silat Kura-Kura Menerong Terengganu juga merupakan salah satu daripada alternatif memelihara dan memulihara yang dilakukan oleh pihak kerajaan Negeri Terengganu bagi memastikan Silat Kura-Kura terus dijaga dan tidak dilupakan begitu sahaja. Nama persatuan ini diambil sempena nama tempat Silat Kura-Kura dikenali dan berkembang iaitu di Kampung Menerong Kuala Berang, Hulu Terengganu. Mereka yang berminat dan ingin mendalami bidang persilatan Silat Kura-Kura secara serius haruslah mendaftarkan diri dalam Persatuan Kebudayaan Silat Kura-Kura Menerong Terengganu terlebih dahulu. Ia ini kerana penubuhan utama Persatuan Kebudayaan Silat Kura-Kura Menerong Terengganu ini bertujuan menjaga kebajikan ahli Silat Kura-Kura.

Ahli Silat Kura-Kura yang didaftarkan di bawah Persatuan Kebudayaan Silat Kura-Kura Menerong Terengganu ini akan mendapat keistimewaan apabila mereka menjadikan Silat Kura-Kura sebagai sumber rezeki sampingan. Bayaran daripada membuat persembahan di majlis-majlis jemputan dan hadiah wang ringgit yang dimenangi dalam pertandingan akan dikongsi bersama-sama ahli Silat Kura-Kura. Pihak kerajaan negeri

Terengganu juga turut menyediakan dana khusus kepada ahli Silat Kura-Kura yang bergiat aktif dalam mengembangkan Silat Kura-Kura.

Keistimewaan dan usaha yang dilakukan dalam menjaga kebajikan para pemain Silat Kura-Kura ini secara tidak lasung mampu menarik perhatian masyarakat luar khususnya anak muda negeri Terengganu untuk tertarik dalam mendalami ilmu persilatan Kura-Kura. Hal ini kerana mereka bukan sahaja boleh memperelajari ilmu silat tradisional namun mereka juga mampu mendapatkan sumber pendapatan.

Namun, bagi ahli silat yang telah berdaftar di bawah Persatuan Kebudayaan Silat Kura-Kura Menerong Terengganu, jika mereka ingin menarik diri atau keluar daripada persatuan ini, mereka tidak lagi dibenarkan untuk menyertai Persatuan Kebudayaan Silat Kura-Kura Menerong Terengganu seumur hidup. Hal ini kerana, ahli Persatuan Kebudayaan Silat Kura-Kura Menerong Terengganu berpegang teguh kepada prinsip sekali seumur hidup. Ini bermaksud, jika pesilat sudah tidak berminat untuk meneruskan ilmu persilatan mereka, maka haruslah melupakan silat ini sehingga ke hujung nyawa. Ia juga merupakan salah satu cara melindungi ilmu Silat Kura-Kura daripada dimainkan.

Selain itu, menurut Mohd Idris bin Deraman lagi, pembelajaran ilmu Seni Silat Kura-Kura juga diajar di sekolah-sekoloh rendah dan menengah di sekitar kawasan Kuala Berang, Hulu Terengganu. Pada setiap hari Selasa iaitu pada pukul 2 hingga 5 petang, para persilat yang telah dipilih dan dilantik daripada Persatuan Kebudayaan Terengganu Silat Kura-Kura Menerong akan menjadi guru silat dan mengajar Silat Kura-Kura kepada para pelajar. Program ini merupakan salah satu usaha untuk melindungi warisan Silat Kura-Kura dan dengan melibatkan kerjasama antara Pihak Majlis Kebudayaan Hulu Terengganu dan Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Terengganu. Seramai dua orang guru silat akan ditempatkan di setiap sekolah di sekitar Hulu Terengganu.

Di sekolah, para pelajar yang terlibat dengan pembelajaran Silat Kura-Kura dikenali dengan gelaran ahli kelab Silat Kura-Kura dan ahli kelab ini terdiri daripada pelajar lelaki sahaja. Kelab Silat Kura-Kura berfungsi sebagai salah satu kelab kokurikulum dan ia dipilih oleh para pelajar secara sukarela. Para pelajar yang menyertai Silat Kura-Kura bukan sahaja diajar mendalami ilmu aksi bersilat tetapi mereka juga turut didedahkan dengan sejarah Silat Kura-Kura, tokoh yang berjasa dalam mengembangkan Silat Kura-Kura, keunikan Silat Kura-Kura dan pelbagai lagi maklumat.

Program pertandingan persembahan Silat Kura-Kura antara setiap sekolah di daerah Hulu Terengganu juga sering dilakukan. Ia bertujuan untuk memupuk semangat kekitaan antara kelab-kelab Silat Kura-Kura walaupun berlainan sekolah. Melalui pertandingan persembahan seperti ini, para pelajar yang berpotensi dalam persilatan Silat Kura-Kura dapat dilihat dan bakat mereka dapat dicungkil dengan lebih mendalam. Secara tidak langsung mereka mungkin akan menjadi para pelapis pada masa hadapan. Pelajar Kelab Silat Kura-Kura juga perlu menduduki peperiksaan akhir tahun berkaitan ilmu Silat Kura-Kura yang telah diajar kepada mereka bagi melengkapkan penglibatan kokurikulum para pelajar dalam kelab dan persatuan.

Menurut Mohamad Razali Bin Ismail pula, langkah lain yang telah diambil bagi memelihara dan memulihara Silat Kura-Kura di Kuala Berang, Hulu Terengganu ialah dengan menyertai acara kebudayaan tahunan yang dianjurkan oleh Muzium Negeri Terengganu. Pada 30 Oktober setiap tahun, satu pesta kebudayaan akan berlangsung selama seminggu dan pesta tersebut dikenali dengan nama Pesta Kampung Budaya Terengganu. Di Pesta Kampung Budaya Terengganu ini, pelbagai warisan yang terdapat di Negeri Terengganu akan dikumpul dan dipersembahkan kepada pengunjung. Uniknyanya, para pengunjung bukan sahaja terdiri daripada masyarakat Negeri Terengganu malah masyarakat negeri-negeri lain mahupun pelancong dari luar negara juga turut hadir ke pesta berkenaan.

Secara tidak langsung, Pesta Kampung Budaya Terengganu ini telah memberikan peluang kepada Persatuan Kebudayaan Silat Kura-Kura Menerong Terengganu untuk membuat persembahan dan mendedahkan kewujudan serta keunikan warisan Silat Kura-Kura kepada masyarakat luar dengan lebih dekat. Keunikan Silat Kura-Kura yang dipersembahkan mampu menarik perhatian para pengujung sehinggakan setiap tahun pasti ada pelancong yang hadir ke pesta ini berminat untuk mendalami ilmu Silat Kura-Kura. Kewujudan pesta seperti ini telah memberikan kesedaran kepada orang ramai untuk menghargai warisan Terengganu dan seterusnya memberikan peluang kepada masyarakat dalam dan luar Terengganu untuk mendalami ilmu Persilatan Kura-Kura.



Gambar 31 : Poster Silat Kura-Kura
(Sumber: Carian Google)

Tambahan beliau lagi, terdapat beberapa cadangan daripada ahli Kelab Silat Kura-Kura untuk melakukan sedikit pembaharuan dari segi pakaian dan gerak langkah Silat Kura-Kura namun ia masih di dalam perbincangan dan akan dipertimbangkan pada masa akan datang. Menurut beliau, pembaharuan yang dilakukan mungkin akan mendatangkan

kesan positif apabila ia boleh memberikan aura dan semangat baru kepada dunia Persilatan Kura-Kura di samping ia juga mampu menarik minat anak-anak muda untuk melibatkan diri dalam dunia Silat Kura-Kura namun beliau juga risau jika pembaharuan ini semakin lama bakal mengakis keaslian Silat Kura-Kura pada masa akan datang. Namun, beliau sangat menyokong cadangan dan usaha memasukkan unsur moden ke dalam pakaian dan aksi Silat Kura-Kura kerana ia salah satu daripada cara terbaik untuk menarik lebih ramai pelapis dalam dunia Persilatan Kura-Kura pada masa akan datang.

4.5 KESIMPULAN

Tuntasnya, Silat Kura-Kura dan Pencak Silat mempunyai kelebihan yang tersendiri. Kesungguhan dan kecekalan pelbagai pihak dalam mengembangkan dan menjaga kedua-dua silat ini harus dibanggakan. Walaupun Silat Kura-Kura dan Pencak Silat mempunyai perbezaan yang ketara, namun kedua-duanya adalah warisan yang harus kita hargai.


Masyarakat khususnya ibu bapa tidak seharusnya mempunyai pemikiran bahawa seni Seni Silat Tradisional tidak lagi sesuai dimainkan pada hari ini sehingga mereka tidak mendedahkan perihal silat tradisional kepada anak-anak. Tindakan ini secara tidak langsung akan mengakibatkan generasi akan datang tidak mengenali warisan silat tradisional seperti Silat Kura-Kura.

Sehubungan dengan itu, semua pihak haruslah bekerjasama dan berusaha memastikan warisan silat tradisional seperti Silat Kura-Kura terus dilindungi dan dijaga untuk generasi akan datang manakala Silat Moden seperti Pencak Silat pula hendaklah diteruskan perkembangannya di negara ini. Terdapat banyak kebaikan dan kelebihan yang


akan diperoleh jika warisan silat ini dijaga dengan baik terutamanya kepada masyarakat dan negara.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB V

PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menyatakan tentang kesimpulan, ringkasan, cadangan dan saranan terhadap kajian yang telah dilakukan. Secara umum, silat yang diamalkan di Malaysia adalah pelbagai dan setiap silat itu mempunyai perbezaan yang ketara dari segi alat latihan, pakaian, kaedah, aksi dan pelbagai lagi. Kepelbagaian aksi yang berbeza bagi setiap silat yang terdapat di Malaysia menunjukkan bahawa setiap silat itu mempunyai keistimewaan dan identitinya yang tersendiri. Kebanyakan silat pada waktu dahulu biasanya terdapat di kampung-kampung yang sangat terpencil dengan ahlinya terdiri daripada orang kampung dalam jumlah yang sangat kecil. Kesungguhan dan keberanian para tokoh silat dalam mengembangkan silat telah menyebabkan sebahagian silat masih kekal dikenali sehingga ke hari ini.

Sehingga ke hari ini, seni mempertahankan diri seperti Silat Kura-Kura dan Pencak Silat masih relevan dan diterima setiap lapisan masyarakat. Pihak kerajaan dan agensi swasta merupakan pihak yang memainkan peranan penting dalam memastikan seni silat terus berkembang dan tidak pupus di negara ini. Mereka juga telah bersama-sama berganding bahu dalam mengadakan program, persembahan, kempen dan perlawanan silat bagi memastikan seni silat terus mekar dan hidup dalam masyarakat khususnya golongan

anak muda pada hari ini. Usaha dan kesungguhan yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan swasta ini bukan sahaja melindungi warisan silat malah ia juga akan melahirkan generasi pelapis pada masa akan datang.

Pada hari ini, kita juga dapat melihat seni silat Malaysia telah mendapat pengiktirafan daripada UNESCO sebagai warisan tidak ketara. Secara tidak langsung ia telah mengangkat martabat seni silat Malaysia di persada antarabangsa. Pengiktirafan yang diperolehi bukan sahaja mengharumkan nama negara malah ia telah menyebabkan seni silat warisan negara kita berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan pelbagai lagi warisan dari negara yang hebat.

5.2 RINGKASAN

Menerusi kajian lepas, pengkaji telah dapat menemui maklumat-maklumat penting serta mendapat banyak fakta yang diinginkan sehinggakan pengkaji dapat menghasilkan sebuah penulisan yang baik. Kajian lepas yang menjadi rujukan dan sandaran pengkaji semestinya kajian yang berkaitan dengan seni mempertahankan diri terutamanya berkaitan dengan Silat Kura-Kura dan Pencak Silat. Melalui pembacaan, temuramah dan analisis terhadap kajian lepas, ia telah membantu pengkaji untuk mendapatkan dan menghuraikan maklumat serta membuat penambahbaikan terhadap penulisan dalam setiap bab yang ditulis oleh pengkaji.

Melalui hasil dapatan kajian mengenai sejarah dan perkembangan Silat Kura-Kura dan Pencak Silat, pengkaji dapat mengetahui dan mengenalpasti pihak yang bertanggungjawab menjadi tunjang utama dan tulang belakang dalam memastikan silat Kura-Kura dan Pencak Silat berkembang dan dikenali sehingga ke hari ini. Antara tokoh

yang terlibat dalam perkembangan Silat Kura-Kura ialah Ibrahim, Yunnus bin Muhammad, Pok Nuh, Pok Yatim, Yahya, Pak Mamat dan Mohamad Razali. Manakala, perkembangan Pencak Silat di Malaysia disebabkan oleh usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian Kebudayaan Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Selain itu, pengkaji juga turut mengetahui tentang perbezaan Seni Silat Kura-Kura Dengan Seni Silat Moden (Pencak Silat). Perbezaan antara kedua-dua silat ini telah dilihat oleh pengkaji dari segi pakaian, pantang larang, jumlah pesilat dan waktu persembahan, senjata dan alat muzik yang digunakan dalam persembahan silat. Dari segi pakaian bagi Silat Kura-Kura, para pesilat akan memakai Baju Melayu yang berwarna biru muda dan tengkolok tanjak berwarna biru muda dan berjalur kuning manakala bagi pemain Pencak Silat pula, pesilat akan memakai Baju Melayu berwarna hitam, memakai bengkung atau tali pinggang dan memakai kain sarung.

Dari segi pantang larang, dalam Silat Kura-Kura terdapat beberapa pantang larang. Antaranya ialah guru silat tidak boleh memakan pisang hutan, wanita tidak dibenarkan mempelajari ilmu Silat Kura-Kura dan Silat Kura-Kura harus dimainkan di kawasan berpasir berbeza dengan Pencak Silat yang tidak mempunyai pantang larang namun mempunyai beberapa syarat yang harus diikuti oleh pesilat Pencak Silat.

Bagi perbezaan jumlah pesilat dan waktu persembahan, Silat Kura-Kura akan dipersembahkan di majlis-majlis formal dan besar yang melibatkan seramai 6 orang pesilat dan bagi tujuan pertandingan Silat Kura-Kura pula biasanya akan melibatkan 2 orang pemain sahaja. Manakala, bagi Pencak Silat, ia akan dipersembahkan dalam pertandingan sahaja dan jumlah pemain yang terlibat adalah dua orang. Bagi perbezaan senjata, persembahan Silat Kura-Kura tidak menggunakan senjata tetapi menggunakan lenggok badan manakala Pencak Silat menggunakan senjata keris, senjata kujung, senjata samping, senjata tongkat, senjata kipas, senjata sundang dan senjata parang dalam pertandingan.

Akhir sekali, perbezaan dari segi alat muzik yang digunakan dalam persembahan silat. Bagi silat kura-kura biasanya akan menggunakan alat muzik gong, alat muzik seruling dan alat muzik gendang manakala pencak silat tidak menggunakan alat muzik tetapi menggunakan iringan irama muzik tersendiri.

Akhir sekali dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji berkaitan dengan usaha memelihara dan memulihara Silat Kura-Kura Di Kuala Berang, Hulu Terengganu. Antara usaha memelihara dan memulihara yang dilakukan ialah dengan menubuhkan kumpulan pelatih. Kumpulan pelatih ini dikenali dengan nama Kumpulan Anak Kura-Kura dan Kumpulan Cucu Kura-Kura. Usaha kedua ialah menerusi penubuhan Persatuan Kebudayaan Silat Kura-Kura Menerong Terengganu bagi menjaga kebajikan ahli Silat Kura-Kura. Usaha ketiga ialah kerjasama antara Pihak Majlis Kebudayaan Hulu Terengganu dan Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Terengganu menjayakan program pembelajaran ilmu Seni Silat Kura-Kura diajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah di sekitar kawasan Kuala Berang dan akhir sekali usaha memelihara dan memulihara ialah menyertai acara kebudayaan tahunan yang dianjurkan oleh Muzium Negeri Terengganu.

5.3 SARANAN DAN CADANGAN

5.3.1 Saranan Dan Cadangan Pengkaji Kepada Masyarakat Untuk Mempelajari Seni Silat Kura-Kura Dan Pencak Silat

Masyarakat seharusnya mempunyai nilai tanggungjawab untuk memelihara warisan di negara ini khususnya warisan silat yang dilihat kian dilupakan oleh generasi kini. Oleh itu, kepentingan dan kebaikan silat ni seharusnya didedahkan kepada masyarakat khususnya anak-anak muda pada masa kini.

Pada hari ini, peningkatan kes jenayah di sekeliling semakin menjadi-jadi. Masyarakat khususnya golongan wanita haruslah berhati-hati dan menjaga diri supaya tidak menjadi sasaran para penjenayah. Oleh hal demikian, masyarakat khususnya golongan wanita disarankan untuk mempelajari ilmu seni silat seperti Pencak Silat supaya dapat melindungi diri apabila diserang atau diganggu. Mendalami ilmu seni silat dapat menjadikan seseorang itu lebih peka dan berwaspadaan terhadap keadaan dan perubahan sekeliling kerana dalam ilmu silat pesilat akan diajar untuk lebih berdisiplin dan lebih fokus terhadap sesuatu perkara.

Selain itu, mempelajari ilmu seni silat Kura-Kura dan Pencak Silat merupakan salah satu aktiviti yang baik untuk kesihatan tubuh badan seseorang. Hal ini kerana, proses pembelajaran, persembahan dan pertandingan seni silat Kura-Kura dan Pencak Silat akan melibatkan banyak pergerakan badan yang boleh menjadi senaman yang baik untuk tubuh seseorang.

Selain itu, ilmu seni silat juga memberi mafaat kepada pembentukan jati diri dan memupuk semangat dan minat yang mendalam terhadap warisan seni silat. Contohnya dalam Pencak Silat, terdapat syarat-syarat harus diikuti oleh pesilat seperti solat lima waktu, taat kepada ibu bapa, mendapat restu dari ibu bapa dan mempunyai disiplin yang tinggi. Syarat-syarat ini secara tidak langsung mengajar pesilat agar bersikap bertanggungjawab, baik dan saling hormat menghormati orang lain.

Akhir sekali, pengkaji menyarankan masyarakat mempelajari ilmu seni silat kerana seni silat merupakan salah satu daripada warisan bangsa orang Melayu. Orang Melayu telah mengamalkan silat sejak dahulu lagi sebagai cara melindungi diri mereka dan turut menggunakan silat dalam membalas serangan musuh dan menjaga keselamatan negara. Buktinya, kewujudan tokoh yang hebat dan terkenal dalam dunia silat satu masa dahulu iaitu Hang Tuah yang terkenal akan ilmu persilatan ketika zaman pemerintahan Kesultanan

Melaka. Oleh itu, menjadi kawajipan masyarakat khususnya orang muda pada hari ini untuk mewarisi, mengekalkan dan melindungi ilmu seni silat seperti Silat Kura-Kura untuk generasi akan datang agar mereka berpeluang menyaksikan persembahan Silat Kura-Kura.

5.3.2 Saranan Dan Cadangan Kepada Pihak Kerajaan Dan Swasta

Perlindungan terhadap warisan silat tidak seharusnya bergantung kepada pihak kerajaan semata-mata malah pihak swasta juga harus berkerjasama berganding bahu dalam menjadi penggerak utama kepada pemeliharaan dan pemuliharaan warisan silat di negara ini. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji mempunyai beberapa cadangan yang mungkin boleh membantu melindungi silat khususnya Silat Kura-Kura. Pendapat dan cadangan ini sedikit sebanyak boleh membantu pihak kerajaan dan swasta dalam merealisasikan usaha melindungi warisan Silat Kura-Kura. Oleh itu, pengkaji berharap agar segala pendapat dan cadangan ini dapat membantu merealisasikan harapan tersebut.

Antara cadangan pengkaji ialah pihak kerajaan dan pihak swasta perlulah memainkan peranan penting untuk mempergiatkan kempen berkenaan Silat Kura-Kura kepada masyarakat muda di Kuala Berang, Hulu Terengganu dan kepada pelancong yang melancong ke Terengganu. Pihak kerajaan perlu mempertingkatkan usaha membuat hebahan kepada masyarakat khususnya melalui media sosial. Melalui kempen yang dilakukan, secara tidak langsung masyarakat dalam dan luar negeri Terengganu dapat mengetahui tentang kewujudan warisan seni Silat Kura-Kura. Pengkaji merasakan tanpa adanya kempen yang berterusan, masyarakat tidak akan mendapat banyak maklumat berkaitan Silat Kura-Kura. Pengkaji juga beranggapan bahawa Silat Kura-Kura merupakan salah satu daripada produk pelancongan Negeri Terengganu. Oleh itu, usaha mengadakan kempen seharusnya dilakukan dengan lebih giat.

Seterusnya, pengkaji merasakan bahawa kekurangan dana dan masalah kewangan juga menyebabkan Silat Kura-Kura menghadapi halangan untuk bersaing dengan silat moden yang semakin hari semakin dikenali masyarakat. Oleh itu, pengkaji berharap agar pihak kerajaan dan swasta boleh menyediakan dan menyumbang dana khusus yang mencukupi bagi menampung kos promosi, pergerakan semasa persembahan dan pertandingan, menaiktaraf kawasan latihan Silat Kura-Kura dan pelbagai lagi. Dengan bantuan yang mencukupi dari pelbagai pihak ini, secara tidak langsung, Silat Kura-Kura mampu bersaing dengan silat moden pada hari ini untuk menarik minat masyarakat khususnya anak muda untuk mendalami ilmu Silat Kura-Kura.

Pengkaji juga berharap pihak kerajaan boleh mempertimbangkan cadangan bagi mewajibkan para pelajar lelaki di sekolah Negeri Terengganu amnya untuk mempelajari ilmu asas Silat Kura-Kura. Hal ini kerana, buat masa sekarang, program kokurikulum kelab Silat Kura-Kura hanya terdapat di sekolah sekitar Kuala Berang, Hulu Terengganu sahaja. Banyak kelebihan yang akan diperolehi apabila ramai pelajar Negeri Terengganu mempelajari Silat Kura-Kura ini. Mereka bukan sahaja bakal menjadi pelapis pada masa hadapan malah pendidikan silat Kura-Kura juga membentuk pembangunan diri pelajar agar menjadi berdisiplin, berakhlak mulia, satria, sendiri, patriotisme dan berani. Tambahan lagi cadangan ini selaras dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjadikan murid bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik malah dalam bidang kokurikulum.

Antara cadangan dan saranan lain bagi melindungi warisan Silat Kura-Kura dan Pencak Silat ialah pihak kerajaan dan pihak swasta boleh bersama-masa berkongsi modal atau menyumbangkan dana pembinaan sebuah mini muzium silat di Kuala Berang, Hulu Terengganu. Muzium ini dibina bertujuan untuk memberikan maklumat kepada penduduk dan pelancong berkaitan Silat Kura-Kura dan Pencak Silat yang terdapat di Kuala Berang. Antara maklumat yang boleh dikumpulkan dan dipamerkan di dalam mini muzium ini ialah sejarah silat, memaparkan kejayaan silat, maklumat tokoh-tokoh silat, pakaian silat dan

sebagainya. Hal ini secara tidak langsung dapat menarik lebih ramai masyarakat untuk meminati dan menceburi bidang silat Kura-Kura dan Pencak Silat.

Kesimpulannya, usaha dan kerjasama pelbagai pihak dalam menambahbaik proses penjagaan dan pegekalan warisan silat ini akan menyebabkan ia tidak akan ditelan arus kemodenan pada hari ini. Semoga saranan dan cadangan yang telah diutarakan mampu melindungi silat Kura-Kura untuk generasi akan datang.

5.4 PENUTUP

Secara kesimpulannya, Silat Kura-Kura dan Pencak Silat merupakan salah satu warisan yang terdapat di Kuala Berang Hulu Terengganu, Terengganu. Silat Kura-Kura dan Pencak Silat juga merupakan salah satu daripada produk pelancongan yang berasaskan sejarah, tarian dan persembahan yang unik dan mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Dengan kehalusan gerak geri, kemerduan muzik dan irama, ketangkasan langkah dan keunikan pakaiannya ini perlu dijaga oleh mana-mana pihak yang berkepentingan demi memastikan warisan silat ini tidak lapuk ditelan zaman. Penambahbaikan berkaitan pemuliharaan dari semasa ke semasa perlu dijalankan bagi memastikan silat terus diterima oleh masyarakat.

Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang dilakukan terhadap silat khususnya Silat Kura-Kura di Kuala Berang, Hulu Terengganu sememangnya memerlukan usaha daripada pelbagai pihak seperti pihak kerajaan negeri dan pihak swasta. Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang dilakukan semestinya memberikan pelbagai kebaikan dan kesan positif apabila penduduk setempat juga membantu pihak kerajaan dan swasta dalam merealisasikan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan Silat Kura-Kura. Dengan bantuan daripada masyarakat, kerajaan juga dapat meluluskan cadangan dan mendengar

saranan yang diutarakan oleh pelbagai pihak bagi melindungi warisan seni mempertahankan diri ini. Selain itu, Silat Kura-Kura dan Pencak Silat bukanlah sekadar aktiviti mengisi masa lapang sahaja malah melalui silat juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara masyarakat tanpa mengira umur, bangsa dan pangkat.

Hal ini jelaslah menunjukkan bahawa usaha pemeliharaan dan pemuliharaan Silat Kura-Kura yang berterusan perlu diselarikan dengan misi dan matlamat asalnya agar tidak terpesong jauh. Jika perkara ini berlaku, secara tidak langsung ia akan menjejaskan segala perancangan pejagaan terhadap warisan silat ini seperti berlakunya pembaziran dana, sumber tenaga kerja dan sebagainya. Harapan pengkaji adalah semoga pihak-pihak yang terlibat dengan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Silat Kura-Kura di Kuala Berang, Hulu Terengganu terbalas menerusi penghargaan daripada pelbagai pihak.

Pengkaji juga mengharapkan agar semua pihak termasuklah masyarakat dapat mencintai dan berminat untuk memperelajari silat tidak kira silat tradisional atau silat moden kerana kedua-duanya mempunyai kebaikan dan kelebihan masing-masing. Semoga suatu masa nanti Silat Kura-Kura dan Pencak Silat di Kuala Berang, Hulu Terengganu menjadi salah satu daya tarikan kepada pelancong untuk datang berkunjung dan seterusnya menjadikan daerah ini terkenal sehingga ke luar negara pada masa hadapan. Dengan hasil tersebut bukan sahaja masyarakat pada masa kini yang mendapat manfaat bahkan generasi yang akan datang juga dapat merasai kelebihan tersebut.

MALAYSIA

KELANTAN

RUJUKAN

- Arimah Jabar. (n.d.). *Alat Muzik Tradisional Melayu: Satu Keunikan : Klik web DBP*. Klik Web DBP RSS. Retrieved January 26, 2022, from <http://klikweb.dbp.my/?p=18709>
- Bernama (Ed.). (2017, May 22). *Persembahan Seni Silat Kura-Kura Yang Hanya Wujud Di Kampung Menerong Dan Kampung Gunung, Hulu Terengganu*.
- Bernama. (2017, March 19). *Nazri: Perluas Seni Budaya Ke Peringkat Antarabangsa*. Malaysiakini. Retrieved January 26, 2022, from <https://www.malaysiakini.com/hiburan/376239>
- Dahlan, M. H. (2011). Pencak Silat Panglipur Tinjauan Sejarah Budaya. *Patanjala : Jurnal Penelitian Sejarah Dan Budaya*, 3(2), 260. <https://doi.org/10.30959/patanjala.v3i2.278>
- Ediyono, S., & Widodo, S. T. (2019). Memahami Makna Seni Dalam Pencak Silat. *Panggung*, 29(3). <https://doi.org/10.26742/panggung.v29i3.1014>
- Gristyutawati, A. D. (2012). *Persepsi Pelajar Terhadap Pencak Silat Sebagai Warisan Budaya Bangsa Sekota Semarang Tahun 2012*, 1–12.
- Ismail, Z. bin. (2004). *Rampaian Seni Terengganu: Songket, Tarian Piring, Mandi Sapat, Silat Kura-Kura*. Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Negeri Terengganu.
- Kartomi, M. (2011). Traditional And Modern Forms Of Pencak Silatin Indonesia: The Suku Mamak in Riau. *Musicology Australia*, 33(1), 47–68. <https://doi.org/10.1080/08145857.2011.580716>
- Mufarriq, M. U. (2021). Membentuk Karakter Pemuda Melalui Pencak Silat. *Khazanah Pendidikan Islam*, 3(1), 41–53. <https://doi.org/10.15575/kp.v3i1.10193>

- Primuscoreadmin. (2015, December 3). *Hulu Terengganu Background*. Official Portal of Hulu Terengganu District Council (MDHT). Retrieved January 26, 2022, from <http://www.mdht.gov.my/en/visitors/hulu-terengganu-background>
- Puddin, A., & Ibrahim, B. (2019). 'Silat Olahraga' Module Framework For Primary School Toward Students Competency In Silat. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 7(3), 405–411. <https://doi.org/10.18510/hssr.2019.7359>
- Rahim Dollah. (n.d.). *Seni Pakaian Pesilat*. Persatuan Seni Silat Gerak Panglima PSSGP. Retrieved January 26, 2022, from <http://pssgp-malaysia.blogspot.com/2016/09/seni-pakaian-pesilat.html>
- Tahir Aryad. (n.d.). *Kategori: Silat Melayu Info. About. What's This?* ms.what. Retrieved January 26, 2022, from <https://ms.what-a.info/23844/1/silat-melayu.html>
- Tambun, M. P. (2016, October 5). *Silat Kura-Kura Serlah Kehalusan Seni Budaya Rakyat Hulu Terengganu*.
- Wan Hasbullah, W. M. (2018). Meor Abdul Rahman: Konsep Tempur Seni Gayong Dan Inovasi Silat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 29(1), 262–285. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol29no1.11>
- Zaid Salim. (2017, March 19). '*Silat Kura-Kura*' Unik.
- Zaty Sody. (1970, January 1). *Latar Belakang Kuala Berang*. Latar Belakang Kuala Berang. Retrieved January 26, 2022, from <http://warisanhuluterengganu.blogspot.com/2012/04/latar-belakang-kuala-berang.html>

LAMPIRAN

SOALAN TEMUBUAL

Perbandingan Seni Silat Kura-Kura Dengan Seni Silat Moden (Pacak Silat), Kajian Kes Di Kuala Berang Hulu Terengganu.

Objektif 1

Mengenalpasti Sejarah Dan Perkembangan Seni Silat Kura-Kura Dan Seni Silat Moden.

Silat Kura-kura

- 1) Bolehkah encik menceritakan serba sedikit berkenaan latar belakang seni silat Kura-kura?
- 2) Bolehkah encik menjelaskan secara terperinci bagaimana silat kura-kura boleh bertapak di Kuala Berang Hulu Terengganu?
- 3) Apakah faktor-faktor yang telah menyebabkan seni silat kura-kura boleh berkembang di Kuala Berang, Hulu Terengganu?
- 4) Siapakah orang yang bertanggungjawab mengembangkan seni silat kura-kura di daerah Kuala Berang?
- 5) Selain itu, adakah silat kura-kura turut berkembang di kawasan lain? Dan jika ada dimanakah ia turut berkembang dan siapa yang bertanggungjawab membawa seni silat ke daerah tersebut.

Silat Pacak Moden.

- 1) Bolehkah encik menceritakan serba sedikit berkenaan latar belakang pacak silat?
- 2) Bolehkah encik menjelaskan secara terperinci bagaimana pacak silat boleh bertapak di Kuala Berang Hulu Terengganu?
- 3) Apakah faktor-faktor yang telah menyebabkan pacak silat boleh berkembang di Kuala Berang, Hulu Terengganu?
- 4) Siapakan orang yang bertanggungjawab mengembangkan pacak silat di daerah Kuala Berang?
- 5) Selain itu, adakah pacak silat ini turut dimainkan di negeri lain selain negeri Terengganu?

Objektif 2**Mengkaji Perbezaan Seni Silat Kura-Kura Dan Seni Silat Moden.**

- 1) Apakah jenis pakaian yang dipakai ketika persembahan silat ini dipersembahkan?
- 2) Apakah seni silat ini mempunyai pantang larang?
- 3) Berapa ramai ahli silat yang akan terlibat dalam setiap persembahan yang dilakukan?
- 4) Adakah terdapat penggunaan senjata dalam persembahan seni silat?
- 5) Apakah jenis alat muzik yang digunakan ketika persembahan silat?

Objektif 3

Menghuraikan Langkah-Langkah Yang Boleh Diambil Untuk Memelihara Dan Memulihara Seni Silat Kura-Kura Di Kuala Berang, Hulu Terengganu?

Temubual

Perpustakaan

- 1) Bagi pendapat encik, apakah langkah-langkah yang boleh digunakan bagi menarik minat generasi muda untuk mendalami ilmu silat kura-kura?
- 2) Adakah wajar silat kura-kura ini diperbaharui kembali dengan memasukkan sedikit aksi moden bagi menyesuaikan silat ini situasi pada hari ini?

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN